

Jilid 1
Bil. 21



Hari Isnin
13hb Julai, 1987

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Cik Noraini binti Beluah, } [Ruangan 2733]
Y.B. Tuan Foo Boon Liang }

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengangkat Sumpah (di Luar Dewan)—

Y.B. Tuan Mohamed Farid bin Ariffin, }
Y.B. Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin } [Ruangan 2733]
Datu Hakim Abang Haji Mohideen }

Mengalut-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 2733]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2734]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2735]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 2736]

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM TUAN
ISMAIL BIN NAGORE [Ruangan 2736]**

KANDUNGANNYA—(samb.)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2737]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) [Ruangan 2799]

Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) [Ruangan 2847]

MALAYSIA

PARLIMEN KETUJUH—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS,
P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN
HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MOHAMED FARID BIN
ARIFFIN (Dilantik).

„ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S.
(Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN ABDULLAH (Johor).

„ TUAN ABDUL MANAP BIN HASHIM (Kedah).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM, K.M.N. (Dilantik).

„ DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATUK HAKIM ABANG HAJI
MOHIDDEEN, P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., A.B.S. (Sarawak).

„ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik — Wilayah Persekutuan).

„ PUAN HAJAH AZIZAH BINTI HAJI MOHD. SAID, P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN (Dilantik).

„ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).

„ TUAN CHAN CHOONG TAK (Dilantik).

„ TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).

„ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).

„ PUAN HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF (Terengganu).

„ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG (Sabah).

„ TUAN HASSAN BIN NAM, P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

„ TUAN HAJI JAAFAR BIN HARON (Dilantik).

„ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).

„ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KOH IM PIN (Negeri Sembilan).

- ,, TUAN C. KRISHNAN (Dilantik).
- ,, TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- ,, PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- ,, TUAN LIM HENG TEE (Pulau Pinang).
- ,, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- ,, PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- ,, TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., A.K. (Kelantan).
- ,, TUAN MOHD. NOOR BIN BEDEAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- ,, TUAN MOHD. WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK (Dilantik).
- ,, TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- ,, TUAN MUSTAFA BIN AWANG (Terengganu).
- ,, DATUK NASIR BIN HAJI MANAP, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- ,, TUAN NG PENG HAY (Melaka).
- ,, DATO DR K. S. NIJHAR, S.P.M.J., J.M.N. (Dilantik).
- ,, CIK NORANI BINTI BELUAH *alias* HAJI HITAM (Pahang Darulmakmur).
- ,, DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- ,, TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- ,, TUAN G. RAJOO (Dilantik).
- ,, PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- ,, PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ,, PUAN HAJAH ROSNAH BINTI MOHD. SALLEH (Dilantik).
- ,, PUAN HAJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM (Dilantik).
- ,, TUAN M. SANGARALINGAM (Dilantik).
- ,, TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ,, TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD, K.M.N., A.M.N., P.J.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ,, TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM, A.M.N., P.C.K. (Dilantik).
- ,, TUAN SIVALINGAM a/l ARUMUGAM KURUPPIAH (Selangor).
- ,, TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- ,, TUAN TAN CHAI Ho, A.M.N. (Dilantik — Wilayah Persekutuan).

Yang Berhormat DATO TAN PENG KHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N. (Dilantik).

- ,, TUAN TIONG HIEW KING, P.B.S. (Dilantik).
,, PUAN VALLI MUTHUSAMY (Dilantik).
,, TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
,, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA, D.P.M.S., K.M.N., S.M.S.,
P.J.K., P.P.N. (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar, J.S.D., S.A.P., K.M.N., P.B.S., P.J.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Iasnin, 13hb Julai, 1987*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA****(Tuan Yang di-Pertua mempenge-
rusikan Mesyuarat)****MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Cik Norani binti Beluah

Tuan Foo Boon Liang

**PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA****MENGANGKAT SUMPAH
(DI LUAR DEWAN)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4 (3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Yang Berhormat Ahli-ahli yang berikut telah mengangkat Sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:

20hb Mei, 1987

Y. B. Tuan Mohamed Farid bin Ariffin (Dilantik).

10hb Julai, 1987

Y. B. Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiddeen (Sarawak).

**MENGALU-ALUKAN AHLI-
AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan

selamat datang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengangkat Sumpah sebentar tadi dan di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik, dilantik semula dan dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**MEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 1987;
2. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1987;
3. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1987;
4. Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1987;
5. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1987;
6. Akta Keretapi (Pindaan) 1987;
7. Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1987; dan
8. Akta Hakcipta 1987.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“10hb Julai, 1987.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987);
5. Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan; dan

8. Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

Yang ikhlas,
t.t.
**YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT**

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987);
5. Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan; dan
8. Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA
KELUARGA ALLAHYARHAM
TUAN ISMAIL BIN NAGORE**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan

sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Ahli berikut dengan kematian Allahyarham Yang Berhormat Tuan Ismail bin Nagore pada 3hb Jun, 1987 yang lalu. Pihak Parlimen telah pun mengutus kawat takziah kepada keluarganya pada 4hb Jun, 1987. Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertafakur selama seminit sebagai menghormati Allahyarham Yang Berhormat Tuan Ismail bin Nagore dan bagi orang-orang yang beragama Islam diminta menghadiahkan Fatihah seberapa yang ikhlas ke atas roh Allahyarham itu.

(Majlis bertafakur selama satu minit dan Ahli-ahli yang beragama Islam menghadiahkan Fatihah).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN ISU LIMBANG

1. Tuan Haji Jaafar bin Harun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapa dan siapakah yang menimbulkan Isu Limbang. Bagaimanakah pendirian Kerajaan kita berhubung dengan tuduhan Perdana Menteri menjualkan Limbang kepada Brunei. Apakah tindakan Kerajaan kita dalam Isu tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, isu penjualan Limbang telah dibangkitkan oleh majalah Far Eastern Economic Review keluaran 2hb Mei, 1987. Saya tidak pasti apakah tujuan sebenar majalah Far Eastern Economic Review menyiarkan laporan palsu itu. Kerajaan telah dengan tegas menyarankan bahawa pihak majalah itu mesti meminta maaf atas kesalahan mengeluarkan laporan palsu itu.

Setakat ini pihak Far Eastern Economic Review masih belum lagi memohon maaf sepertimana bentuk yang memuaskan pihak Kerajaan. Sekiranya pihak Far Eastern Economic Review tidak berbuat demikian dengan memuaskan pihak Kerajaan, Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajar selanjutnya.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau tidak silap saya, kita mempunyai satu Akta yang dikatakan pembawa khabar-khabar ini. Jadi, tidakkah mereka yang membuat tuduhan atau khabar palsu seperti ini boleh diambil tindakan di bawah kesalahan membuat khabar-khabar angin? Yang kedua, kalau Kerajaan akan mengambil tindakan, apa bentuk tindakan yang kita akan diambil kerana orang tertunggutunggu mengenai dengan tindakan Kerajaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Dalam Negeri telah menyerahkan perkara ini kepada Peguam Negara untuk mengkaji daripada implikasi undang-undang. Sungguhpun Kementerian Dalam Negeri telah pun mengutarakan dua syor kepada pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu adakah patut kita koyak sahaja majalah tersebut atau yang kedua, kita tahan daripada edaran umum tetapi telah difikirkan semasak-masaknya kita membenarkan majalah tersebut iaitu keluaran 21hb Mei, 1987 itu dibebaskan untuk edaran umum, di samping itu kita serahkan kepada peguam negara untuk mengkaji daripada segi undang-undang.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, adakah negara Brunei Darussalam telah membuat penafian bahawa laporan itu tidak benar?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Oleh kerana perkara ini tidak ada kena-mengena dengan negara Brunei, maka negara Brunei tidaklah patut dibabitkan dalam soal ini.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri masalah minta maaf, setakat bilakah tempoh terakhir minta maaf kerana benda ini makin lama makin sejuk. Saya harap supaya jangan ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengatakan kita tidak bertindak dengan tegas. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Oleh kerana perkara ini dikendalikan oleh Peguam Negara, kita berilah kesempatan untuk beliau memberi tarikh tamatnya bilakah perkara ini harus diselesaikan sebelum tindakan mahkamah kita ambil.

Dr Nordin Selat: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan beliau kurang pasti apakah tujuan majalah Far Eastern Economic Review? Adakah ini bermakna intelligence Far Eastern Economic Review itu lebih baik daripada intelligence kita, sebab kita selalu sahaja tidak pasti?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, masalah adakah intelligence daripada Far Eastern Economic Review itu lebih baik daripada intelligence kita, sekiranya juga kita ukur. Masalahnya apakah isi hati orang yang memberi berita itu pada Far Eastern Economic Review. Mungkin pihak yang menulis itu mempunyai tujuan yang tertentu dan mungkin Far Eastern Economic Review yang mengeluarkan berita itu pula mempunyai motif yang tertentu. Inilah yang kita hendak mengkaji kepastian tujuan yang sebenarnya.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan adakah pihak kita telah mengetahui siapakah yang sebenarnya yang telah memberikan maklumat dan yang telah bersubahat dengan FEER mengenai isu yang berkenaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun memastikan siapakah dia yang membuat berita tersebut.

Tuan Dahalan bin Haji Embun:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dari segi Perlembagaan dan teknikal, bolehkah sekeping tanah Malaysia dijual kepada Kerajaan luar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bidang ini bukannya bidang Kementerian Dalam Negeri, saya memohon maaf untuk menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak payah dijawab. Itu tidak berapa patut. Saya suka ulang lagi sekali. Ini pertanyaan tambahan. Pertanyaan tambahan hendaklah didasarkan pada pertanyaan asal itu. Jadi dari segi isu yang luar-luar macam perkara tanah tidak kena mengena lagi. Jadi saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, tolonglah ambil perhatian, kalau hendak bertanya pertanyaan tambahan.

KOPERASI MILIK TANAH

2. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) kenapa Koperasi hakmilik ditubuhkan di tanah rancangan sedangkan Koperasi Serbaguna telah pun sedia wujud dengan ahli yang sama di tempat yang sama dan di bawah Ordinan yang sama; dan

- (b) kenapakah FELDA menjadi penerima gadaian (Pajak) tanah ladang sesebuah rancangan untuk tanam semula sedangkan ianya adalah sebuah agensi Kerajaan bukan syarikat atau badan kewangan.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua:

(a) Koperasi Milik Tanah ditubuhkan di rancangan yang mengamalkan Sistem Hakmilik Kumpulan. Di bawah sistem ini hakmilik kawasan ladang didaftarkan atas nama Koperasi sebagai Pemegang Amanah. Koperasi ini tidak mempunyai kegiatan perniagaan seperti yang dijalankan oleh Koperasi Serbaguna. Koperasi Serbaguna di rancangan tidak dicadang didaftarkan sebagai pemilik kawasan ladang oleh kerana Koperasi ini terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti perniagaan. Dengan demikian sekiranya hakmilik kawasan ladang dipegang oleh Koperasi Serbaguna ini, kepentingan peneroka di atas tanah tersebut akan terdedah kepada risiko perniagaan.

(b) Perbelanjaan bagi kos tanam semula kawasan kelapa sawit adalah disediakan melalui Tabung Tanam Semula yang ditubuhkan oleh FELDA dan bagi kawasan getah daripada Bantuan Tanam Semula RISDA. Pada kelazimannya peruntukan ini mencukupi untuk menampung perbelanjaan ataupun kos tanaman semula. Tetapi sekiranya sumber kewangan yang disediakan itu tidak mencukupi untuk membayai kos tanaman semula, kemungkinan pinjaman perlu

dibuat dari sumber lain seperti bank atau lain-lain institusi kewangan. Untuk tujuan ini, disyaratkan tanah peneroka dicagar kepada FELDA sebagai jaminan terhadap pinjaman yang diperolehi oleh FELDA dari sumber-sumber tersebut. Walau bagaimanapun, sehingga ini belum lagi ada kes-kes di mana tanah peneroka dicagarkan kepada FELDA walaupun 27 rancangan FELDA telah pun ditanam semula.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Kementerian Kemajuan Tanah dalam rancangan-rancangan FELDA, berapa peratusan telah diputuskan oleh dasar daripada Kerajaan untuk menyimpan kepada kaum yang bukan bumiputra.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Kita memperkatakan di sini tentang kenapa Koperasi Hakmilik ditubuhkan di kawasan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju.

RANCANGAN FELDA—PENEROKA

3. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sehingga sekarang berapa jumlah semua tanah rancangan FELDA yang telah dibuka:

- (a) di Semenanjung;
- (b) di Sabah; dan
- (c) di Sarawak.

Berapa banyak lagi rancangan yang akan dibuka dalam RML. Dari jumlah yang telah dibuka berapa yang telah diduduki peneroka dan berapa jumlah penerokanya semua.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk

pengetahuan Yang Berhormat, sehingga bulan Julai, 1987 FELDA telah memajukan kawasan seluas 754,499 hektar dengan pembahagian kawasan seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Keluasan</i>
(i) Semenanjung	698,329 hektar
(ii) Sabah	55,576 ,,
(iii) Sarawak	594 ,,

Dalam Rancangan Malaysia Kelima FELDA akan memajukan kawasan seluas 183,514 hektar. Sebanyak 422 buah rancangan tanah telah dimajukan dan daripada jumlah ini sebanyak 274 buah rancangan telah pun dimasukkan peneroka-peneroka. Dan jumlah peneroka hingga setakat ini ialah seramai 103,427 orang.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Timbalan Menteri ada mengatakan bahawasanya 55,576 hektar telah dimajukan oleh FELDA di Sabah. Tetapi apakah sebabnya setakat ini tidak banyak diketahui oleh rakyat tentang kegiatan FELDA.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana rakyat tahu ataupun tidak, banyak bergantung kepada sejauh mana dan setakat mana mereka itu mengikuti apa juga bentuk perkembangan yang dirancang, diselenggara, yang dilaksanakan. Namun begitu kita sentiasa mempunyai hubungan yang rapat dan erat dengan Kerajaan Negeri Sabah dan juga agensi-agensi yang lain untuk mempastikan juga kegiatan yang kita buat itu dapat dimaklumi, difahami dan diketahui oleh rakyat di sana.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menerangkan daripada usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi

menolong rakyat untuk mendapat tanah, berapakah jumlah yang telah Kerajaan belanjakan untuk rancangan ini di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak dan hasil-hasil yang telah diperolehi oleh Kerajaan bersabit dengan rancangan ini.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis untuk memberikan detail-detail tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Ng Peng Hay: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, saya fikir mengenai soalan tambahan ini, saya hadkan kepada dua atau tiga sahaja. Sebab terlalu panjang pertanyaan yang lain-lain dibangkitkan di sini tertinggal tiap-tiap kali kita bermesyuarat di sini. Dengan demikian, sekarang saya pergi kepada soalan yang keempat.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Noor bin Bedah.

TARAF HIDUP RAKYAT LUAR BANDAR

4. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah peningkatan dari segi sosial, ekonomi dan pelajaran yang telah dapat dibaiki di kalangan penduduk-penduduk luar bandar menjelang 30 tahun Merdeka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara mencapai kemerdekaan memang telah banyak kejayaan yang dicapai dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat. Berbanding dengan keadaan sebelum merdeka taraf hidup rakyat masa kini khasnya bagi penduduk luar bandar tidak syak lagi adalah jauh lebih baik dan selesa. Kejayaan ini dicapai melalui berbagai

program yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Di antara program yang dilaksanakan termasuklah penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik, jalan raya, program perumahan awam, perkhidmatan kesihatan, sekolah-sekolah serta penyediaan peluang-peluang pekerjaan dan memperkembangkan kegiatan ekonomi baik di bidang pertanian mahupun perniagaan. Hasil dari program-program ini taraf kesihatan penduduk luar bandar telah meningkat dari setahun ke setahun. Ini dapat dilihat dari kadar kematian bayi yang semakin berkurangan.

Umpamanya dari tiap-tiap 1,000 orang bayi yang dilahirkan pada 1984, hanya 17.5 orang bayi sahaja yang meninggal, dan angka kematian ini adalah jauh lebih kecil dari 30 tahun yang lepas.

Kesihatan penduduk luar bandar juga boleh dilihat dari segi usia hidup atau jangka hayat penduduk. Umpamanya jangka hayat penduduk lelaki telah meningkat kepada 67.6 tahun pada tahun 1984 berbanding kepada umur 55.8 tahun pada tahun 1957 dahulu. Demikian juga dengan jangka hayat wanita luar bandar yang telah meningkat daripada umur 58.2 tahun pada tahun 1957 kepada 72.7 tahun pada tahun 1984.

Di segi pelajaran pula berbagai kemudahan pelajaran seperti sekolah-sekolah, asrama, biasiswa, bekalan buku teks percuma dan lain-lain telah disediakan. Hasil daripada kemudahan-kemudahan pendidikan ini ramai anak-anak dari kawasan luar bandar yang telah dapat masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi, kolej dan maktab.

Dari segi kenal huruf pula ianya telah meningkat ke 72% pada tahun 1980 berbanding dengan kadar kenal huruf yang lebih rendah beberapa dekad yang lepas. Adalah dijangka negara akan dapat menghapuskan

kadar buta huruf dalam beberapa tahun yang akan datang ini.

Tahun Yang di-Pertua, dari segi kemudahan-kemudahan asas pula liputan penduduk luar bandar yang menerima bekalan air bersih dan air paip telah mencapai tahap 57.6% pada tahun 1985. Manakala liputan penduduk luar bandar yang menerima bekalan elektrik meningkat kepada 68.2% pada tahun 1985. Pada tahun-tahun awal kemerdekaan, kemudahan ini hanya boleh dinikmati oleh penduduk di kawasan bandar sahaja.

Dalam bidang ekonomi pula berkat usaha yang dijalankan oleh Kerajaan melalui berbagai program, ekonomi penduduk luar bandar telah bertambah baik. Pendapatan penduduk telah bertambah, ini dapat dilihat dari angka kadar kemiskinan penduduk luar bandar.

Pada tahun 1970, misalnya, seramai 705,900 atau 58.7% isi rumah luar bandar adalah miskin. Pada tahun 1984 kadar kemiskinan telah menurun kepada isi rumah 24.7%. Pendapatan purata penduduk luar bandar juga telah meningkat berdasarkan penyiasatan-penyiasatan yang telah dijalankan oleh Kerajaan adalah didapati bahawa pendapatan purata isi rumah luar bandar telah meningkat daripada \$200 sebulan isi rumah pada tahun 1970 kepada \$550 sebulan pada tahun 1979 dan seterusnya \$824 sebulan pada tahun 1984 iaitu kadar pertumbuhan purata sebanyak 11.9% setahun bagi tempoh 1971 hingga 1979 dan 8.4% setahun bagi tempoh 1980 hingga 1984.

Tidak syak lagi bahawa negara telah mencapai kejayaan besar dalam usaha untuk meningkatkan taraf dan keselesaan hidup rakyat khasnya rakyat di luar bandar. Kejayaan ini dapatlah kita lihat sendiri di kampung-kampung di seluruh negara.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang

baru disebutkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi bahawa Kerajaan cuba hendak meninggikan taraf kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar. Adakah program-program ini termasuk dengan kampung-kampung baru di luar bandar dan adakah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada setengah-setengah kampung baru dalam negara kita ini masih dalam keadaan yang mundur sehingga ada setengah-setengah kampung-kampung baru masih belum mendapatkan kemudahan-kemudahan asas?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membangun bukan hanya kawasan-kawasan kampung baru tetapi juga kampung-kampung tradisional.

Tuan Azman Atar bin Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan penghabisan, tidak ada lagi. Baiklah.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kegiatan Kerajaan untuk meninggikan taraf penduduk di luar bandar sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju atau tidak kadangkala sehingga Kerajaan sudah lupa pula untuk melayan penduduk-penduduk di dalam bandar, contohnya di dalam Kuala Lumpur sendiri kerana terdapat masih ada tempat-tempat yang belum cukup dengan kemudahan asas? Jadi, sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan pendapat saya ini?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut tadi adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bukan hanya untuk menjaga kepentingan penduduk luar bandar

tetapi penduduk di bandar juga dan Kerajaan tidak memilih kasih dan sentiasa membangun sosio ekonomi penduduk di bandar dan juga di luar bandar.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

5. Tuan M. Sangaralingam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Bahagian Kewarganegaraan adalah amat lemah memandangkan bahawa masa yang diambil untuk memproses permohonan kewarganegaraan memakan lebih daripada 10 ataupun 20 tahun. Adakah beliau sedar bahawa tindakan terakhir yang dinyatakan dalam surat-surat Kementerian sendiri memakan masa lebih dari 10 tahun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod, dari 1hb September, 1957 hingga 31hb Mei, 1987 Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima 2,389,645 permohonan kewarganegaraan dan dari jumlah ini, sebanyak 2,381,355 permohonan telah diselesaikan. Pada masa ini, hanya 7,290 permohonan yang sedang dalam tindakan Jabatan itu yang diterima dalam tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987.

Dengan angka yang telah saya sebutkan sebentar tadi menunjukkan bahawa Kementerian Dalam Negeri telah menjalankan tugas dengan baik dan sempurna dengan membereskan lebih kurang 99.6% daripada semua permohonan-permohonan yang diterima. Bagi permohonan yang sejumlah 7,290 atau 0.4% lagi itu penyiasatan haruslah dijalankan dengan rapi terutama dari segi latarbelakang pemohon yang mungkin terlibat dengan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang negara. Ini perlu dijalankan agar anugerah kewarganegaraan ini benar-benar

dianugerahkan kepada orang-orang yang berguna kepada negara.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa ada setengah-setengah pemohon yang telah memenuhi syarat dan lulus Bahasa Malaysia tetapi sehingga hari ini ada setengah-setengah telah menunggu antara 5 hingga 10 tahun belum dapat apa-apa jawapan. Dan tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, bahawa menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa cuma tinggal 7,500 lebih daripada pemohon yang belum dapat kelulusan semenjak tahun 1984. Tetapi saya ada bukti ada setengah-setengah pemohon sudah tunggu dekat 10 tahun tetapi belum dapat kelulusan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang saya katakan tadi, iaitu 2,381,355 telah diproses termasuk yang dapat dan yang tidak dapat. Yang mungkin Yang Berhormat bawa ini ialah perkara yang telah ditolak.

Bila satu-satu permohonan itu ditolak, maka keputusan telah dibuat tidaklah boleh disalahkan Kerajaan bahawa masih lagi tidak dapat kerana permohonan itu ditolak. Jadi mungkin memakan masa 10 atau 20 tahun dia tidak dapat memang jawapan dia tidak boleh. Jadi tidak boleh disalahkan kerana jawapan telah pun diberi. Saya beri angka lagi sekali. Dari 2,389,645 yang memohon, yang dapat diluluskan ialah 2,268,054 orang. Yang ditolak iaitu jawapan telah diberi 114,301. Mungkin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu golongan yang 114,000 itulah. Tetapi yang belum lagi kita jawab ialah 7,290 itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan C. Krishnan: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada masa dahulu apabila

sesuatu permohonan ditolak mereka boleh merayu kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya dapat tahu bahawa pada masa sekarang apabila sesuatu permohonan ditolak mereka tidak boleh merayu kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekiranya betul, apakah jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak betul. Tiap-tiap permohonan yang ditolak oleh Jabatan Pendaftaran rayuan boleh dibuat kepada Menteri yang berkenaan dalam masa 30 hari. Tetapi kalau jawapan muktamad telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri, maka rayuan tidaklah boleh dibuat lagi.

PELANCONGAN MENINGKAT-KAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

6. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada benar bahawa hasil daripada pelancongan boleh membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui pertukaran wang asing. Jika benar, apakah rancangan Kementerian yang berkenaan meningkatkan lagi bilangan pelancong datang ke negara ini dan adakah Kerajaan bercadang meningkatkan lagi berbagai kemudahan di tempat-tempat pelancongan di tiap-tiap negeri dalam negara ini.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbarudin Chik): Tuan Yang di-Pertua, pelancongan adalah merupakan satu industri yang semakin meningkat dan boleh membantu meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan pendapatan pertukaran wang asing negara. Dalam tahun 1986 sahaja Industri Pelancongan Negara telah menyumbang sebanyak \$1,568 juta kepada pendapatan negara.

Pendapatan dari industri pelancongan merupakan pendapatan kelima pentingnya selepas petroleum, minyak sawit, getah dan kayu gergaji dalam tahun 1986. Di samping menghasilkan peruntukan matawang asing, industri pelancongan adalah juga merupakan satu aktiviti ekonomi yang menggalakkan pembangunan infrastruktur dan superstruktur sesuai dengan matlamat Kerajaan untuk menyedia dan membangunkan kemudahan-kemudahan sedemikian kepada rakyat di seluruh negara. Di dalam masa yang sama pelancongan menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan pelaburan. Industri ini juga dapat menghasilkan kesan gandaan yang besar kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan lagi pendapatan negara dari pelancongan, rancangan galakan dan pemasaran akan terus dipertingkatkan. Usaha-usaha ini terbahagi kepada 4 langkah pemasaran iaitu pengiklanan, penggalakan, perhubungan awam dan penyebaran maklumat pelancongan di semua pasaran utama. Langkah-langkah Kerajaan sama ada secara persendirian atau dengan kerjasama pihak-pihak lain yang terlibat dalam industri pelancongan adalah mendapat sokongan dan kerjasama pihak perdagangan seperti MAS, Feri Malaysia, Keretapi Tanah Melayu, agensi-agensi pelancongan dan juga pengusaha-pengusaha hotel dengan menawarkan program-program lawatan ke negara kita ini dengan harga yang berpatutan.

Kerajaan memang berhasrat meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan di tempat-tempat pelancongan di negara kita ini di samping memberi insentif kepada sektor swasta untuk membangun dan menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu. Kerajaan juga telah dan akan terus mendirikan infrastruktur infrastruktur asas. Namun begitu,

ingin ditegaskan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai peranan yang penting di dalam mempastikan semua kemudahan-kemudahan dan tarikan pelancong di negeri masing-masing dibangunkan dengan baik, teratur dan sentiasa dijaga kebersihannya.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan, dalam rancangan yang telah disebutkan adakah pihak Kementerian Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengekalkan alam semula jadi, dan juga tempat-tempat sejarah atau diperbaiki, diberikan peruntukan untuk membetulkan atau untuk membelikan semula kenangan sejarah yang ada di negara kita selain daripada membina tempat-tempat indah yang palsu atau yang dibentuk oleh swasta. Didapati pelancong dari luar lebih tertarik dengan alam semula jadi, keindahan-keindahan sejarah kita dan juga tempat-tempat yang menarik minat yang berunsur alam semula jadi dan perkembangan sejarah yang nyata.

Dato' Haji Sabbarudin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah tujuannya.

Datuk Haji Nasir Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, pelancongan sebagaimana yang ketahui, umpamanya di Negeri Thailand, terkenal sebagai negara pelancongan. Untuk menarik pelancong ke negara kita dan dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang berasas dan dititikberatkan tempat-tempat sejarah. Selain daripada tempat-tempat sejarah, apakah perkara-perkara yang ditekankan untuk menarik pelancongan-pelancongan ke negara kita atau ke tempat-tempat yang tertentu dari segi perancangan.

Dato' Haji Sabbarudin Chik: Tuan Yang di-Pertua, selain dari tempat-tempat sejarah, tempat yang akan

menarik pelancong-pelancong ke negara kita ini termasuklah pantai-pantai, bukit-bukau, dan juga tempat-tempat yang lain yang memberi kesenangan seperti tempat peranginan di bukit-bukit dan sebagainya. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita banyak lagi benda-benda yang mungkin menarik pelancongan ke negara kita ini termasuklah, dengan izin, cultural heritage, yang mana sebagai sebuah negara yang terdiri daripada kaum yang berbilangan, maka dengan cara ini pelancong-pelancong akan suka dan akan mahu mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang cara kita, walaupun kita berbilang kaum, tetapi dapat hidup dengan aman damai.

IMPORT BAHAN TANAMAN

7. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa untuk menentukan pertumbuhan bidang pertanian salah **satu faktor** ialah kemudahan mendapat dan cukupnya bahan tanaman, iaitu benih yang mana undang-undang import bahan tanaman di negara kita begitu ketat hingga menjadi sukar untuk mendapat benih, adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah dan meminda dasar ini; atau adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan bahannya sendiri seperti di buat di negara luar seperti India, Holland dan lain-lain memandangkan bahawa Malaysia kita mengimpor banyak benih-benih sayur-sayuran, kerana benih-benih tempatan tidak mencukupi dan tidak terjamin mutunya.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, undang-undang import bahan tanaman terpaksa dilaksanakan dengan ketat untuk mencegah kemasukan penyakit dan musuh tanaman dari negara-negara luar. Import bahan tanaman-tanaman

utama seperti getah, kelapa sawit, koko dan kelapa tidak dibenarkan, selain daripada yang dikehendaki untuk tujuan kajian. Benih-benih untuk tanaman lain boleh diimport dengan syarat bahan-bahan itu disah telah diberi rawatan terhadap penyakit dan musuh tanaman. Permit daripada Jabatan Pertanian perlu didapati.

Selain daripada bahan tanaman yang mana negara kita tidak mempunyai kemudahan dan pengalaman dan oleh kerana keadaan iklim yang tidak sesuai untuk pengeluarannya, benih bermutu untuk tanaman-tanaman lain yang biasa ditanam di negara ini akan terus dikeluarkan oleh negara kita sendiri.

ROMPAKAN/PEMBUNUHAN PENGAWAL KESELAMATAN

8. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi kejadian rompakan dan pembunuhan pengawal-pengawal keselamatan yang sering berlaku baru-baru ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah diambil bagi membendung kejadian rompakan dan pembunuhan yang melibatkan pengawal-pengawal keselamatan adalah seperti berikut:

- (i) mengarahkan semua syarikat perkhidmatan kawalan memberi latihan secukupnya kepada pengawal-pengawal mengenai penggunaan senjata dan latihan mempertahankan diri;
- (ii) menasihatkan syarikat perkhidmatan kawalan meningkatkan langkah-langkah keselamatan seperti meminta bantuan pihak polis semasa

mengendalikan pengeluaran wang dari bank, membawa wang gaji dan sebagainya khususnya yang melibatkan jumlah wang yang besar; dan

- (iii) mengenakan had umur terhadap pengawal-pengawal keselamatan iaitu mereka yang melebihi 55 tahun tidak boleh menjadi pengawal kecuali disahkan cergas oleh doktor. Pengawal-pengawal yang melebihi umur 60 tahun tidak layak menjadi pengawal.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan kejadian-kejadian rompakan yang melibatkan kematian anggota-anggota agensi kawalan keselamatan tidaklah begitu banyak. Misalnya dari bulan Januari hingga Mei 1987 hanya tiga orang anggota kawalan keselamatan terbunuh ketika berlakunya kes saman bersenjatapi semasa mereka bertugas mengiringi wang tunai. Bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengambil berat untuk membendung kejadian-kejadian jenayah seumpama itu.

IKRAR/DOA—AMALAN MEMBACA

9. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap amalan bacaan doa bagi murid-murid yang beragama berlainan di sekolah-sekolah negeri Melaka kerana amalan tersebut telah bercanggah dengan Perlembagaan Negara, Perkara 12 (3) dan 12 (4) dan dasar pendidikan negara yang bermatlamat perpaduan negara.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan yang telah diambil ialah supaya amalan membaca ikrar/doa tersebut diteruskan kerana

ianya mempunyai pengajaran yang baik terutamanya dalam usaha Kerajaan untuk membentuk disiplin dan akhlak yang tinggi di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Amalan tersebut sama sekali tidak bercanggah dengan Perkara 12 (3) dan 12 (4) di dalam Perlembagaan Negara. Ikrar tersebut tidak menyekat hak kebebasan agama seseorang individu kerana perkataan "Tuhan" ada juga digunakan dalam prinsip Rukunegara dan senikata lagu Negaraku yang telah pun diterima oleh semua kaum dan agama di negara ini.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada Kementerian yang berkenaan sedar bahawa ikrar ataupun bacaan doa yang diedarkan kepada murid-murid kita dalam negeri Melaka itu adalah secara format bacaan doa, bukan seperti yang disebut bacaan ikrar. Maka rasa rasa ini adalah satu tindakan oleh Kementerian Pendidikan yang telah melanggar peraturan ataupun bercanggah dengan Perlembagaan dan kebanyakan ibu bapa daripada kaum yang bukan umat Islam berasa tidak puas hati dan tidak senang hati? Adakah Kementerian akan mendapatkan pandangan dan nasihat daripada pemimpin-pemimpin daripada agama Buddha, Hindu dan lain-lain sebelum hendak implementkan bacaan doa itu di negeri Melaka, kerana kita tidak mahu ia dijadikan satu isu politik dan menjadikan implikasi dalam masyarakat kita di mana kita tidak dapat mencapai perpaduan di antara murid-murid kita?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan sentiasa menjaga kepentingan semua masyarakat di dalam negara kita. Jadi Kementerian pun sentiasa juga peka kepada apa-apa yang telah dicadangkan oleh badan-badan

tertentu berkaitan dengan perkara ini. Jadi, Yang Berhormat telah nyatakan bahawa ini telah bercanggah dengan Perlembagaan, tetapi saya telah menyatakan bahawa ini tidak sama sekali bercanggah dengan Perlembagaan dalam jawapan saya tadi.

RASIONAL MENAMAKAN KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

10. Dr Nordin Selat minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah rasional yang digunakan untuk menamakan "Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan". Apakah betul seperti anggapan separuh orang nama ini memberi penekanan yang lemah pada kebudayaan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, nama "Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan" telah pun ditukarkan kepada "Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan" mulai 1hb Julai yang baru lalu. Maka itu anggapan bahawa Kerajaan memberi penekanan yang lemah kepada kebudayaan adalah tidak betul, malah pembentukan Kementerian ini pada awal-awal lagi merupakan hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan Bahagian Kebudayaan yang dahulunya diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada satu taraf Kementerian dengan dasar-dasar yang sudah ditetapkan. Maklumat, strategi dan program yang dibawa oleh Bahagian Kebudayaan sebelum ini akan tetap diteruskan tetapi diberi penekanan yang lebih lagi oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ini.

PENGGANAS KOMUNIS YANG MENYERAH DIRI

11. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah bilangannya ahli-ahli

Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah menyerah diri kepada pihak berkuasa Thai hingga sekarang dan berapa ramai pula bilangan yang belum menyerah diri dianggarkan mereka masih berada di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, dan mereka di kumpulan itu adakah masih ada hubungan kaitannya dengan pengganas komunis yang masih ada saki-bakinya di Semenanjung Malaysia ini ataupun tidak lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tawaran pengampunan oleh Kerajaan Thailand telah diterima oleh seramai 661 orang pengganas komunis dengan menyerah diri kepada pihak berkuasa negeri tersebut. Dengan penyerahan diri ini menjadikan kekuatan pengganas komunis yang masih bergerak di kawasan sempadan Malaysia/Thailand dianggarkan seramai 1,340 orang.

Maklumat-maklumat yang ada menunjukkan Parti Komunis Malaya yang berpengkalan di Selatan Thailand masih berhubung dengan pengganas komunis di negara ini bertujuan untuk memberi sokongan moral dan juga panduan-panduan di dalam gerakan mereka.

HAD LAJU DITETAPKAN DI LEBUHRAYA

12. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah Kementeriannya sedar bahawa kebanyakan pemandu-pemandu kenderaan yang meninggalkan Kuala Lumpur di sepanjang Lebuhraya telah ditangkap kerana kelajuan yang keterlaluan akibat tiada penunjuk had laju atau had lajunya yang terlalu perlahan di peringkat jalan sebelum Pondok Tol; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil memandangkan

terdapatnya banyak tuduhan makan rasuah yang dibuat terhadap pegawai-pegawai yang menjalankan pemeriksaan had laju.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Plaza-plaza Tol di Lebuhraya dari Kuala Lumpur adalah berada di kawasan sempadan Bandaraya Kuala Lumpur. Oleh itu kawasan-kawasan yang melalui Lebuhraya sebelum Plaza Tol itu adalah dianggap sebagai kawasan bandar.

Saya telah difahamkan bahawa had laju yang ditetapkan di dalam bandar adalah 50 kilometer sejam.

Jawapan untuk soalan (b), sehingga ini tidak ada aduan yang diterima mengenai peronda-peronda Lebuhraya yang makan rasuah. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat yang pasti, saya harap Yang Berhormat boleh membuat laporan kepada Polis Diraja Malaysia.

TELEFON—KEMUDAHAN PERKHIDMATAN

13. Tuan Lim Heng Tee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos memaklumkan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa disebabkan perancangan dan penyelarasian yang kurang baik maka rumah-rumah di skim-skim perumahan baru masih belum dapat kemudahan perkhidmatan telefon; dan
- (ii) sama ada Kementeriannya sedang mengambil langkah-langkah positif bagi memastikan kemudahan telefon yang mencukupi dapat dibekalkan kepada semua kawasan perumahan dan perniagaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soal lambat menyediakan kemudahan perkhidmatan telefon pada masa ini bukan semuanya berpunca dari kurang perancangan dan penyelarasian, tetapi merupakan masalah-masalah pelaksanaan projek-projek yang telah dirancangkan itu sendiri, termasuk kedudukan kewangan negara disebabkan oleh kemelesetan ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan telefon secara keseluruhan Malaysia, dalam tahun 1983 Kerajaan telah melaksanakan projek-projek rangkaian talian telefon tempatan di seluruh negara ini. Dalam projek-projek ini Syarikat Telekom Malaysia (STM) dan kontraktor-kontraktor berkenaan telah mengenalpasti kawasan-kawasan yang memerlukan kemudahan telefon dan telah pun membuat perancangan sewajarnya untuk menyediakan kemudahan-kemudahan itu. Tetapi oleh kerana demand, dengan izin, atau permintaan tidak tertumpu kepada satu-satu kawasan tertentu, STM terpaksa mengagihkan keupayaan kewangan mengikut keperluan satu-satu kawasan dari segi kedudukan jumlah pengguna dan permohonan baru yang bakal memerlukan perkhidmatan itu.

Untuk menjawab soalan kedua, STM sedang mengurus menambah peruntukan supaya dapat menyediakan lebih banyak rangkaian talian telefon tempatan. Ini adalah satu langkah positif yang sedang diambil untuk mempercepatkan penyediaan kemudahan telefon di negara kita ini.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini ditujukan kepada Kementerian berkenaan sama ada Yang Berhormat

sedar bahawa sejak telekom ini diswastakan kepada STMB (Syarikat Telekom Malaysia Berhad), bukan sahaja tidak meningkat kecekapan dan juga banyak pelanggan-pelanggan telefon pun telah dipotong dan sehingga baru-baru ini STMB hendak menaikkan lagi cagaran dan juga apabila telefon dipotong bahawa mereka terpaksa membayar \$50 untuk menyambung semula perkhidmatan telefon dan ini telah menyusahkan rakyat sehingga ada setengah-setengah rakyat telah menterjemahkan bahawa STMB itu bukan Syarikat Telekom Malaysia Berhad, tetapi "Syarikat Telekom yang Menyusahkan Bangsa", sama ada Yang Berhormat yang berkenaan sedar? (*Ketawa*)

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya soalan tambahan ini terkeluar dari soalan pokok dan saya juga difahamkan bahawa soalan ini akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Dewan ini pada kemudian hari. Saya ingat lebih sesuai atau wajar untuk Kementerian menjawab pada hari yang tertentu.

KES ROGOL

14. Tuan Valli Muthusamy minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah kes rogol yang telah dilaporkan kepada pihak polis pada tahun 1984, 1985 dan 1986; berapakah bilangan kes rogol yang telah dapat diselesaikan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah kejadian rogol yang telah dilaporkan kepada pihak polis pada tahun 1984 ialah 470, pada tahun 1985 jumlahnya ialah 529 dan pada tahun 1986 sebanyak 688. Dari jumlah 1687 kes ini sebanyak 623 kes telah pun diambil tindakan.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah

Yang Berhormat menyatakan apakah punca-punca utama yang mengakibatkan penambahan dalam bilangan kes rogol. Adakah Kementerian bercadang merangka satu rancangan jangka panjang untuk mengurangkan bilangan kes rogol. (*Ketawa*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod-rekod yang ada sebab-sebabnya berlakunya rogol ialah mangsa berada seorang diri di tempat yang sunyi, menumpang di hotel dengan perogol sesuka hati sendiri, mangsa sendiri bersetuju bersetubuh tetapi membuat laporan atas sebab-sebab tertentu, mangsa menumpang kenderaan perogol sesuka hati, mangsa berada seorang diri di rumah, mangsa sendiri bersetuju tetapi telah membuat laporan setelah mengandung, mangsa diberi minuman atau makanan menyebabkan hayal tidak sedar diri sebelum dirogol, bersiar-siar dengan perogol; (*Ketawa*) mungkir janji hendak berkahwin, dirogol oleh bomoh berpura-pura membuat rawatan. Daripada maklumat-maklumat dan data-data ini maka pihak polis dan juga pihak-pihak yang berkenaan akan cuba seberapa daya melalui mass media juga seminar-seminar tertentu akan memberi ceramah-ceramah agar perkara-perkara yang saya nyatakan tadi tidak berlaku dan ini akan mengurangkan lagi kes-kes rogol.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sedar, salah satu lagi wabak kes rogol akan bertambah daripada adanya penjualan minyak Dhab (*Ketawa*). Orang yang beli minyak Dhab dia hendak cuba minyak itu betul atau tidak betul. Jadi, adakah Kerajaan sudah siasat penjual-penjual minyak

Dhab ini betulkah atau tipu, takut nanti mangsa rogol bertambah kerana minyak Dhab.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Dhab ini baru sahaja digunakan maka kita kurang pasti adakah disebabkan Dhab ini boleh banyak lagi kes rogol tetapi Dhab ini sudah lama ada di negeri Arab. Nampaknya tidak ada banyak sangat perogol di sana.

INSTITUSI BERASRAMA PENUH

15. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Pendidikan menjelaskan berapa jumlah sekolah dan institusi pengajian berasrama penuh wujud di seluruh negara sekarang.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jumlah sekolah dan institusi berasrama penuh di bawah Kementerian Pendidikan ialah 28 buah.

TANGKAPAN IKAN MENGGUNAKAN TUKUN TIRUAN

16. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan apakah hasil tangkapan ikan setelah kita menggunakan tukun tiruan; dapatkah dinyatakan angka-angka tangkapan ikan sebagai perbandingan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia, kajian ke atas hasil tangkapan ikan secara kuantitatif, dengan izin, belum diadakan lagi. Walau bagaimanapun, kajian-kajian kualitatif telah dijalankan ke atas tukun tiruan di mana telah menunjukkan ikan-ikan, siput-siput dan hidupan yang lain didapati hidup di atas tukun-tukun tiruan yang mana sebelum ini kawasan tersebut tiada terdapat sebarang hidupan laut. Di kawasan itu

juga nelayan-nelayan melaporkan bahawa tangkapan mereka telah bertambah.

Sungguhpun, kajian kuantitatif adalah terhad bilangannya namun kajian ini adalah dijalankan di negara maju seperti negara Amerika Syarikat dan Jepun.

Berdasarkan kepada beberapa kajian perbandingan yang telah dijalankan ke atas tukun tiruan semula jadi dan tukun tiruan di perairan Tropika dan Sub-Tropika seperti di Hawaii, Virgin Islands, Bermuda, Florida dan Puerto Rico adalah didapati kedua-dua tukun berkenaan dijadikan sebagai tempat ikan-ikan berkumpul dan membiak. Walau bagaimanapun, purata biomass ikan dalam sehektar di kawasan tukun tiruan adalah 2199 kg sehektar manakala di kawasan tukun semula jadi adalah 735 kg sehektar. Ini menunjukkan kawasan di mana tukun tiruan dibina telah berjaya menambahkan sumber-sumber ikan.

Pembangunan tukun tiruan sebagai satu projek di bawah Rancangan Malaysia Kelima seperti ini hanya bermula pada tahun 1986. Sebelum kajian ke atas tukun tiruan boleh dijalankan tiap-tiap satu tukun mesti mempunyai sekurang-kurangnya 28,000 tayar. Jabatan Perikanan pada kini berusaha untuk mengumpul tayar-tayar terbuang untuk mencapai matlamat ini bagi semua 53 tapak tukun tiruan di Semenanjung Malaysia. Hanya selepas saiz minima sebanyak 28,000 tayar setapak tukun tiruan dicapai, kajian-kajian untuk menentukan kesan tukun tiruan terhadap hasil tangkapan dapat ditentukan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ditujukan kepada Kementerian yang berkenaan bahawa adakah Yang Berhormat sedar ada setengah-setengah nelayan yang telah

menjalankan penangkapan ikan sebagai cara hidup mereka tetapi belum mendapat lesen dan mereka seringkali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini soalan tambahan, bukan?

Tuan Ng Peng Hay: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan baru.

Tuan Ng Peng Hay: Tetapi berkaitan dengan lesen nelayan.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi ini bukan perkara fasal lesen di sini. Minta maaf.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar Kerajaan mengadakan kempen untuk mengadakan tukun tiruan dengan mengumpul tayar-tayar. Setakat ini saya ingin tahu, apakah sambutan orang ramai kepada kempen ini dan sehingga ini berapa banyakkah tukun tiruan tadi diadakan oleh Kementerian di perairan negara kita.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, sambutan orang awam memang baik. Sehingga sekarang Kementerian Pertanian telah mengutip 251,805 tayar dan tempat-tempat yang kita hendak buat tukun tiruan ini ialah 53.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, ini fasal tukun. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab bahawa ikan bertambah kerana adanya tukun-tukun tiruan, tetapi apabila saya membuat tinjauan ke Pontian, Batu Pahat dan Kuala Selangor kata nelayan pantai ikan tidak ada kerana tukun tiruan ini diletakkan di sebelah kawasan yang dalam. Rancangan Radio tengah hari pukul 12.00 tadi saya dengar mengatakan ikan-ikan masih banyak dibawa masuk daripada negeri

Siam. Jadi, macam mana jawapan ini, kata jawapan ikan bertambah tetapi saya dengar dari satu sumber Kerajaan, ikan tidak cukup. Nelayan kata ikan tidak ada, mana yang betul? Masalahnya ialah kerana pukat cerut, pukat tunda dan ada satu jenis lagi pukat Concord yang menyauk ikan. Disauk semua ikan kecil dan besar, dia tidak kira sehingga nelayan kecil tidak dapat ikan. Ini saya minta Kerajaan atau Kementerian tolong betulkan, tolong tengok nasib nelayan kecil yang di tepi pantai ini. Taukeh-taukeh besar yang mempunyai kapal dia tidak dapat ikan pun tidak apa, sekali-sekali.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya sedar sumber-sumber ikan di laut perairan Malaysia telah dikurangkan. Itu sebab kita melancarkan program tukun tiruan ini dan kita haraplah tukun tiruan ini boleh berjaya dan sumber ini boleh bertambah.

Berkenaan dengan ikan yang lari ke perairan Siam, kita tidak boleh mengawal ikan-ikan, dia boleh lari ke mana-mana. (*Ketawa*)

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Bukan ikan lari ke Siam. Ikan Siam ikut darat masuk ke sini (*Ketawa*). Ini soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah fasal ikan ini. Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

SISTEM LETAK KERETA DI KUALA LUMPUR

17. Tuan G. Rajoo minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang memperkenalkan semula sistem pengeluaran tiket bagi meletakkan kenderaan di Wilayah Persekutuan memandangkan:

- meter meletakkan kereta kerapkali didapati rosak dan pemandu yang meletakkan

kereta di petak rosak ini diberi notis saman secara tidak adil;

- (b) sistem pengeluaran tiket seperti dahulu itu lebih tetap; dan
- (c) sistem pengeluaran tiket ini akan mengujudkan lebih banyak pekerjaan kepada belia belianwas yang menganggur.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, meter letak kereta yang dipasang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah mengikut konsep penswastaan. Mengikut konsep itu syarikat yang dipilih adalah bertanggungjawab membeli meter-meter letak kereta itu memasangnya, menjalankan kerja-kerja penyeleggaraan dan membuat kutipan bayaran letak kereta daripada meter-meter tersebut. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pula menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan. Syarikat-syarikat tersebut adalah dikehendaki membayar sewa kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang dimaksudkan itu ialah Tetuan Satupadu Sdn Bhd., Far East Unitrade Sdn Bhd., Asas Budiman Sdn Bhd., Saripati Malaysia Sdn Bhd., dan Sribah Traffic Automatic Sdn. Bhd. Sehingga setakat ini sejumlah 9,498 petak letak kereta telah dipasang dengan meter letak kereta.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan meter meletakkan kereta yang kerap kali didapati rosak sepetimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menjelaskan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama-sama dengan syarikat-syarikat yang diberi kontrak melaksanakan sistem letak kereta bermeter itu telah mewujudkan satu sistem di mana juruteknik-juruteknik ditempatkan bertugas di kawasan masing-masing. Mereka-mereka itu dikehendaki mengesahkan

meter-meter letak kereta di kawasan jagaannya supaya berada dalam keadaan baik. Apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau syarikat-syarikat tersebut menerima aduan bahawa meter letak kereta didapati rosak, maka anggota penguatkuasa bersama-sama dengan juruteknik berkenaan akan diarah untuk melakukan siasatan segera. Di dalam keadaan di mana notis kesalahan atau saman telah dikeluarkan dan kemudiannya disahkan bahawa meter letak kereta itu rosak, maka tindakan membatalkan notis kesalahan itu akan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sistem letak kereta yang menggunakan tiket sepetimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu didapati mempunyai beberapa kelemahan. Di antaranya ialah seperti berikut:

- (1) Di bawah sistem tiket Dewan Bandaraya terpaksa mengeluarkan 1.3 juta dalam tempoh satu bulan. Sebanyak 8% atau 104,000 daripada tiket-tiket itu tidak dibayar. Angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa beban kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah sistem tiket adalah berat.
- (2) Kerap kali berlaku kesilapan menulis butir-butir yang perlu ada pada tiket, seperti nombor kereta, nombor cukai jalan, tarikh dan sebagainya.
- (3) Tulisan yang tidak terang pada salinan kedua tiket tersebut. Kesilapan-kesilapan seumpama ini akan menyebabkan pula kesilapan di dalam menghantar tawaran kompaun.
- (4) Banyaknya masalah-masalah yang berkaitan dengan kakitangan kerana sistem pungutan dengan menggunakan tiket adalah berupa intensif buruh.

- (5) Alamat pemilik kenderaan yang tidak tepat, tidak lengkap dan akan menyebabkan banyak tawaran-tawaran kompaun tidak dapat disampaikan kepada pemilik-pemiliknya.

Menyedari kelemahan-kelemahan yang disebut tadi, maka Kerajaan telah menjalankan kajian mengenainya dan mendapati penggunaan meter sebagai alat pemungut bayaran letak kereta adalah lebih baik, berbanding dengan pungutan menggunakan tiket di mana kebaikan dan kelebihan itu adalah seperti berikut:

- (i) Dapat ditetapkan had maksima kereta-kereta yang patut diletakkan di dalam petak kereta iaitu 3 jam dan ini boleh memberi peluang kepada pemandu-pemandu kereta yang lain untuk meletakkan kereta mereka di petak-petak letak kereta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur itu.
- (ii) Beban kerja dapat dikurangkan kerana sistem meletak kereta bermeter ini diswastakan. Kakitangan yang terlibat dalam penswastaan sistem ini dapat diserap ke bahagian-bahagian yang lain untuk mengisi kekosongan jawatan di bahagian-bahagian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya, Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan semula sistem pengeluaran tiket bagi meletakkan kendaraan memandangkan sistem meletak kereta bermeter seperti yang diamalkan sekarang didapati lebih berkesan dan lebih menguntungkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Soal Jawab tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 52 adalah diberi di bawah ini).

MAYAT KANAK-KANAK INDIA MATI DALAM PETI SEJUK

18. Tuan C. Krishnan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Menteri Dalam Negeri sedar atas peristiwa ngeri yang telah berlaku di Bukit Kemuning, Kg Jawa, Selangor baru-baru ini di mana mayat tiga orang kanak-kanak India dijumpai di dalam keadaan yang sungguh mengerikan di dalam sebuah peti sejuk. Ekoran dari peristiwa ini,

- (i) setakat sekarang apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak polis dan bagaimana kemajuan mereka;
- (ii) adakah peristiwa ini telah membahayakan hubungan masyarakat tempatan di Bukit Kamuning, Kg Jawa khasnya dari sudut hubungan di antara masyarakat India dan Cina tempatan tersebut;
- (iii) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu jawatankuasa muhibbah di daerah-daerah di Malaysia, bagi membentras tindakbalas-tindakbalas negatif yang wujud akibat dari peristiwa-peristiwa malang yang berlaku di negara ini seperti yang telah berlaku di Bukit Kamuning, Kg Jawa tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pihak Kerajaan khususnya Kementerian saya memang sedar akan peristiwa yang mendukacitakan berlaku di Bukit Kamuning, Kg Jawa, Selangor sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu.

Setakat ini pihak polis masih belum selesai menjalankan siasatan mengenai peristiwa tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, ekoran dari peristiwa itu memang ada kekeliruan kecil timbul di kalangan masyarakat tempatan di situ. Walau bagaimanapun pihak berkuasa telah pun dapat mengatasi masalah tersebut dan hubungan baik di kalangan masyarakat tempatan di situ masih dapat dikekalkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang telah menjadi dasar Kerajaan sejak peristiwa Mei 13 untuk menggalakkan pembentukan jawatankuasa-jawatankuasa muhibbah dan banyak jawatankuasa-jawatankuasa demikian telah ditubuhkan namun kecergasan jawatankuasa-jawatankuasa ini adalah bergantung kepada semangat dan bantuan orang ramai sendiri dan sebilangan jawatankuasa-jawatankuasa ini tidak bergerak dengan begitu cergas sekarang. Kerajaan akan berusaha

menggerakkan lagi jawatankuasa-jawatankuasa tersebut di kawasan-kawasan yang didapati memerlukannya.

PROJEK BEKALAN AIR KEPADА BUMIPUTERA

19. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kerjaya menyatakan berapakah nilai projek bekalan air yang diberi kepada pemborong-pemborong Bumiputera dari tahun 1985 hingga 1987 mengikut kelas-kelas A hingga F. Adakah Kementerian beliau sedar, nilai projek yang diberi kepada pemborong-pemborong Bumiputera adalah rendah dan nyatakan langkah-langkah bagi mempertingkatkannya.

Dato' S. Samy Vellu: Nilai projek bekalan air yang diberikan kepada pemborong-pemborong bumiputera dari tahun 1985 hingga 1987 mengikut kelas A hingga F adalah seperti berikut:

Nilai Tawaran Bekalan Air Yang Diberi kepada Pemborong-pemborong Bumiputera

<i>Kelas</i>	<i>Tahun 1985</i>	<i>Tahun 1986</i>	<i>Tahun 1987 (sehingga bulan Mac)</i>
A	\$ 23,006,922.92	\$ 12,473,480.03	\$
B	4,255,538.53	1,122,551.00	
BX	4,838,777.25	623,334.00	
C	3,605,575.31	737,032.35	995,716.00
D	27,262,880.16	1,254,724.00	
E	715,408.10	1,900,362.40	
EX		2,377,481.05	
F		940,231.75	65,592.90
	<hr/> <hr/> 63,685,102.17	<hr/> <hr/> 21,429,196.58	<hr/> <hr/> 1,061,308.90

Kementerian Kerjaya sedar, jika dibandingkan dengan perolehan kontraktor-kontraktor bukan Bumiputera, nilai kerja bekalan air yang diperolehi oleh kontraktor bumiputera adalah rendah. Sebab

itulah Kementerian Kerjaya berusaha untuk mengagihkan seberapa banyak lagi peluang kerja bekalan air kepada kontraktor Bumiputera. Ini termasuklah mensyaratkan di dalam projek bekalan air luar bandar yang

ditandatangani dengan syarikat Ántah Biwater bahawa 30% dari nilai kerja-kerja pembinaan hendaklah dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera.

AKTA PELAJARAN 1961— PINDAAN

20. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah garis kasar cadangan pindaan pelajaran dan adakah Kementerian berpuashati dengan tahap pencapaian Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar dan Bahasa Ilmu.

Dr Leo Michael Toyad: Kementerian Pendidikan tiada cadangan membuat pindaan pelajaran. Sebenarnya Kementerian sedang mengkaji secara menyeluruh Akta Pelajaran 1961 dengan tujuan untuk mengemas dan memperkuatkannya supaya Dasar Pendidikan Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

Kementerian Pendidikan amat berpuashati dengan tahap pencapaian Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar dan Bahasa Ilmu. Ini adalah kerana, pada masa ini semua mata pelajaran dari darjah I hingga ke Tingkatan 5 di seluruh negara telah berjaya diajar dengan menggunakan Bahasa Malaysia (kecuali mata pelajaran Bahasa Inggeris) sebagai Bahasa Pengantar dan Bahasa Ilmu. Keputusan mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam program KBSR, di peringkat Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan STPM sejak kebelakangan ini amat memuaskan dan Kementerian Pendidikan amat berpuashati dengan pencapaian ini.

PAJAK GADAI ISLAM

21. Puan Habibah binti Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah Perlaksanaan Pajak Gadai Islam yang diura-urakan itu telah dilaksanakan sekarang ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Sekim penubuhan sistem Pajak Gadai secara Islam telah disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri dan dianjurkan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

DASAR PELAJARAN

22. Tuan R. M. Jasni minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementeriannya bersetuju atau sedar bahawa dasar pelajaran dalam keberkesanannya meninggikan atau meningkatkan mutu pendidikan di Sabah dianggap membawa implikasi negatif akibat ideologi yang bersifat elitis yang menjadi dasar pelajaran di Sabah anjuran Yayasan Sabah baru-baru ini. Jikalau bersetuju atau sedar, tidakkah Kementerian Pendidikan bercadang mengambil tindakan segera bagi mengatasinya supaya implikasi negatif itu dapat dihindarkan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak bersetuju dengan pendapat bahawa Dasar Pendidikan Kebangsaan telah membawa implikasi negatif kepada mutu pendidikan di Sabah. Sekiranya taraf pendidikan di Sabah tidak sama dengan yang terdapat di setengah-setengah negeri lain-lain, ia adalah disebabkan oleh faktor-faktor sejarah, bukannya oleh Dasar Pendidikan Kebangsaan. Pelaksanaan dasar tersebut sebenarnya, telah banyak membawa pembangunan pendidikan di Sabah. Saya juga ingin menyatakan bahawa sebenarnya mutu pendidikan dan juga pencapaian pelajar-pelajar di Sabah bertambah baik dari setahun ke setahun.

TULISAN JAWI DALAM KURIKULUM SEKOLAH

23. Tuan Haji Jaafar bin Harun minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa dalam menerapkan nilai-nilai

Islam, kenapakah Kerajaan tidak bercadang untuk menekankan pentingnya tulisan jawi ke dalam waktu sukanan Pelajaran di Sekolah-sekolah Rendah, Menengah dan Universiti. Jika ada bagaimanakah perancangannya dibuat.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang mengambil perhatian berat mengenai kedudukan tulisan jawi di dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah, selaras dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam kerajaan. Langkah-langkah berikut telah, sedang dan akan dilaksanakan:

1. Pengajaran Tulisan jawi diajar secara sisipan bersama-sama Pendidikan Islam mulai Tahun 1 di sekolah rendah. Pada tahun 3, peruntukan masa 30 minit seminggu diberi khas untuk pengajaran tulisan jawi.
2. Mulai Tahap 2 KBSR (Tahun 4, 5 dan 6) murid-murid belajar agama dengan menggunakan buku-buku teks tulisan jawi di samping bahan-bahan pengajaran-pembelajaran dalam tulisan jawi, dan murid-murid juga dikehendaki menulis jawi di dalam matapelajaran Pendidikan Islam.
3. Untuk mengukuhkan penggunaan tulisan jawi di dalam sistem pendidikan negara, langkah-langkah seterusnya akan dilakukan di sekolah-sekolah menengah, dengan mengadakan:
 - 3.1 Kesinambungan pengajaran-pembelajaran Pendidikan Islam dalam tulisan jawi, dan
 - 3.2 Buku teks dan bahan-bahan bacaan tambahan dalam tulisan jawi.
4. Di peringkat universiti, kebanyakannya buku rujukan untuk

Pengajian Islam adalah dalam tulisan jawi.

PERSAINGAN RANCANGAN TV3 DAN RTM

24. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan sedarkan Kementerian adanya semacam persaingan dari TV3 dalam mengatur programnya yang hampir sama waktu tayangannya dan membuat penonton dalam keadaan serba salah. Apakah jalan bagi mengatasinya.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Persaingan untuk menarik hati penonton memang wujud apabila terdapat lebih daripada satu stesen TV di sebuah negara. Tiap-tiap stesen perlu menyusun dan menjadualkan rancangan secara yang menarik. Jika tidak, penonton-penonton tidak akan menyaksikan rancangan itu walaupun kandungan pengetahuan amnya tinggi seperti rancangan-rancangan perkhidmatan awam yang disajikan oleh RTM.

RTM berfungsi sebagai media yang menyebarkan informasi pengetahuan, pendidikan dan hiburan melalui TV sejak 25 tahun dahulu. RTM menggunakan saluran TV itu sepenuhnya bagi menyampaikan mesej yang dimaksudkan. Tetapi RTM juga perlu membuat dan menjadualkan rancangan-rancangan menarik seperti TV3 supaya tidak kehilangan penonton. Apabila kedua-dua stesen menghidangkan rancangan-rancangan yang menarik, terserahlah kepada penonton-penonton untuk membuat pilihan sendiri. RTM tidak boleh memaksa penonton untuk menyaksikan rancangan-rancangan perkhidmatan awam yang penting itu jika ada rancangan-rancangan yang lebih menarik di stesen lain. Kerana itu ia juga menghidangkan rancangan-rancangan yang menarik untuk

diselangselikan dengan rancangan-rancangan pengetahuan am yang banyak mengandungi mesej Kerajaan. Adalah hak dan tanggungjawab penonton untuk membuat pilihan yang bijak manakala RTM adalah terpaksa untuk terus berusaha bagi meninggikan mutu siarannya.

FELCRA—JUMLAH PESERTA

25. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapa jumlah rancangan tanah FELCRA yang telah dibuka di Semenanjung, di Sabah dan di Sarawak dan melibatkan berapa ramai jumlah peserta sehingga Disember, 1986. Dari jumlah rancangan FELCRA yang telah dibuka berapa yang mendapat kejayaan dan berapa yang terpaksa dipulihkan semula.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba)

(a) Sehingga Disember 1986, jumlah rancangan tanah yang telah dimajukan oleh FELCRA ialah sebanyak 807 buah dengan jumlah keluasan 167,580 hektar. Jumlah peserta yang terlibat ialah 56,600 orang. Pecahan adalah seperti berikut:

	Bil. Rancangan	Luas (hektar)	Bil. Peserta (Keluarga)
Semenanjung	799	166,249	55,622
Sabah	—	—	—
Sarawak	8	1,331	978
Jumlah	807	167,580	56,600

(b) Dari pengalaman FELCRA, sehingga ini masih belum terdapat projek FELCRA yang perlu dipulihkan semula.

KONTRAK DOKTOR ASING

26. Tuan M. Sangaralingam minta Menteri Kesihatan menyatakan

mengapakah kontrak doktor-doktor asing yang menjadi isteri kepada warganegara kita telah tidak diteruskan apabila kontrak tersebut ditamatkan. Bolehkah mereka dibenarkan mendaftar dengan Lembaga Perubatan Malaysia (MMC) supaya membolehkan mereka mengamalkan sebagai pengamal swasta.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Kontrak doktor asing yang menjadi isteri kepada warganegara kita telah tidak diteruskan apabila kontrak mereka tamat disebabkan mereka ini digantikan dengan pegawai-pegawai yang terdiri daripada warganegara terutama sekali mereka yang terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

Penamatkan mereka tidak sepatutnya menimbulkan sebarang masalah kerana selepas mereka menjalani 3 tahun perkhidmatan dengan perkhidmatan awam seperti yang diperlukan di bawah Seksyen 40 (1) Akta Perubatan Tahun 1971 di mana dari segi Akta tersebut, mereka adalah bebas untuk membuka klinik sendiri.

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU PAHANG BARAT

27. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar kemajuan yang dicapai oleh Lembaga Pertanian Pahang Barat sejak ianya dilancarkan terkebelakang daripada jadualnya. Jika benar apakah sebab-sebabnya dan apa pula tindakan Kerajaan untuk menjayakannya supaya kemajuannya mencapai ke tahap yang dirancangkan. Jika tidak benar apakah kemajuan yang telah tercapai sehingga sekarang dan adakah wang yang telah

dibelanjakan itu seimbang dengan kemajuan yang dicapai.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Sebenarnya Kerajaan tidak pernah menubuhkan Lembaga Pertanian Pahang Barat. Walau bagaimanapun jika Yang Berhormat bermaksud Projek Pembangunan Pertanian

Bersepadu Pahang Barat yang mula dilaksanakan semenjak tahun 1983, dan dijangka siap dalam tahun 1990, maka secara keseluruhannya projek ini tidak mengalami kelewatan seperti mana yang dinyatakan. Komponan-komponan utama projek dan kemajuan pelaksanaannya adalah seperti berikut:

<i>Komponen</i>	<i>Projek Matlamat</i>	<i>Pencapaian</i>
(i) Pembangunan Ladang Pekebun Kecil	10,000 ha.	10,071 ha. (melebihi 100%)
(ii) Pembangunan Koko dan Buah-buahan	2,500 ha.	1,786 ha.(71%)
(iii) Skim Pembangunan Kawasan Perintis	1,800 ha.	830 ha (46%)
(iv) Perkhidmatan Sokongan:		
(a) Pusat Pemasaran Pertanian (AMC9)	4 buah	Sebuah siap-Lipis (100%) 3 buah dalam pembinaan (60%)
(b) Pusat Kemajuan Peladang (FDC)	sebuah	dalam pembinaan (70%)
(c) Pusat Kecil Kemajuan Peladang	2 buah	sebuah siap (100%) sebuah lagi tender telah ditawarkan.
(d) Pusat Kecil Mekanisasi Peladang	sebuah	dalam pembinaan (70%)

Sehingga April, 1987 jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek ini adalah berjumlah sebanyak \$20.7 juta dan ini adalah seimbang dengan kemajuan yang dicapai.

PENYELUDUPAN— MEMBANTERAS AKTIVITI

28. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan

yang lebih berkesan untuk mencegah kehilangan hasil. Kerajaan memandangkan dalam tempoh 6 bulan yang lalu, Jabatan Kastam telah berjaya merampas barang yang diseludup ke Malaysia bernilai berjuta ringgit, dan ini akan menjaskan hasil negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Untuk membanteras aktiviti penyeludupan ini beberapa rancangan telah dirangka oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja supaya segala tindakan yang diambil ke arah

ini akan lebih berkesan. Rancangan-rancangan ini adalah:

- (i) meningkatkan lagi pengetahuan dan kebolehan pegawai-pegawai pencegah ke tahap profesionalisma melalui latihan-latihan di dalam dan luar negeri;
- (ii) meningkatkan lagi sistem perolehan, pengumpulan dan penyebaran maklumat melalui sistem perhubungan yang lebih tersusun. Ini termasuk meningkatkan penggunaan Bilik-bilik Operasi Pencegah, penyediaan profile penyeludup dan penyeludupan bagi perancangan tindakan pencegah yang lebih berkesan;
- (iii) menambahkan lagi alat-alat logistik seperti kenderaan-kenderaan pengejar, bot-bot laju, senjata api dan lain-lain alat pengesan dadah/senjata api bersesuaian dengan keadaan semasa. Ini termasuklah rancangan penggunaan alat-alat komputer;
- (iv) membuka stesen-stesen baru Pencegah di tempat-tempat strategik di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak supaya tindakan pencegah akan lebih berkesan lagi. Ini termasuk penempatan unit-unit anjing dan pengesan dadah khasnya di pintu-pintu masuk ke negara ini; dan
- (v) melebihkan kerjasama dalam bidang pencegahan dengan negara-negara jiran dengan mengadakan mesyuarat-mesyuarat dua hala dan melalui operasi-operasi bersama. Dalam usaha membanteras penyeludupan antarabangsa, hubungan dengan "Customs Co-operation Council" akan juga dipertingkatkan.

PETRONAS—KILANG PENAPIS MINYAK

29. Tuan Ng Peng Hay minta Perdana Menteri menyatakan sama ada projek kilang penapis minyak PETRONAS akan dilaksanakan di Melaka atau dibatalkan. Jika projek tersebut akan dilaksanakan, bilakah ianya akan bermula dan berapakah peluang pekerjaan akan diwujudkan.

16-7-87

55. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Perdana Menteri menyatakan bilakah PETRONAS akan mula membina kilang penapis minyaknya di Tanjung Keling, Melaka seperti yang telah dirancangkan itu, dan adakah PETRONAS akan membenarkan syarikat-syarikat lain membina kilang tersebut, jika PETRONAS tidak berminat projek tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said pada

16-7-87.

Sungguhpun Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya supaya PETRONAS mendirikan sebuah lagi kilang penapis minyak di Melaka, pembinaan kilang tersebut ditangguh ke satu tarikh yang belum ditetapkan lagi. Buat masa ini pihak PETRONAS sedang membuat kajian semula projek ini secara menyeluruh mengenai keperluan dan keupayaan penapisan minyak dengan mengambil kira perkembangan-perkembangan yang berlaku sekarang dan masa hadapan industri petroleum.

Projek ini apabila dilaksanakan dijangka akan mewujudkan kira-kira 250 peluang-peluang pekerjaan.

Oleh kerana PETRONAS sedang membuat kajian menyeluruh

mengenai projek ini, persoalan untuk membenarkan syarikat-syarikat lain membina kilang tersebut tidak timbul buat masa ini.

KEJADIAN JENAYAH

30. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan iaitu apakah sebabnya kejadian di negara kita ini semakin berleluasa sekarang jika dibandingkan dari dulu, seperti kes rompak bank, curi, pecah rumah dan sebagainya yang melibatkan harta-benda awam, adakah ini kerana bilangan pengangguran telah meningkat ramai, adakah kerana pendatang haram dari negara jiran tidak terkawal, ataupun disebabkan tidak mencukupi anggota Unit Polis Pencegah Jenayah untuk mengawal di kawasan-kawasan tertentu, dan nyatakan jumlah rompakan, bilangan orang yang korban dan nilai harta-benda awam akibat rompakan dalam masa awal tahun ini dari bulan Januari hingga 31hb Mei, 1987.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian-kejadian jenayah yang berlaku di negara ini disebabkan oleh berbagai faktor. Selain dari faktor-faktor yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, penglibatan dalam penagihan dadah dan kemelesetan ekonomi adalah juga di antara sebab-sebab mengapa kadar jenayah telah meningkat sedikit di negara ini.

Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat yang terakhir itu, angka-angka mengenainya adalah seperti berikut:

1. Rompakan 3207
2. Bilangan terkorban.. 5
3. Nilai harta benda \$2.1 juta terlibat

GURU BERSARA SECARA PILIHAN

31. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan guru-guru memohon bersara pilihan sepanjang tahun 1986 dan berapa ramai dari permohonan yang diluluskan itu terdiri dari guru-guru wanita.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru-guru yang telah memohon dan telah diluluskan untuk bersara secara pilihan sendiri sepanjang tahun 1986 adalah seramai 693 orang. 40% daripada permohonan tersebut terdiri dari guru-guru wanita.

SAYUR YANG DIIMPORT

32. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimanakah keluaran pertanianumpamanya sayur-sayuran yang diimport daripada luar negeri diperiksa mengenai kandungan kimianya sebelum sayuran ini dijualkan kepada orang awam.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan pengawasan ke atas semua makanan yang diimport bagi menentukan ianya selamat dimakan. Ini termasuklah pengawasan ke atas kandungan kimia seperti residu racun perosak di dalam sayur-sayuran dan buah-buahan. Bagi maksud ini, pemeriksaan adalah dijalankan ke atas makanan-makanan yang diimport dan sampel-sampel makanan adalah diambil di pintu-pintu masuk dan dihantar ke makmal-makmal Jabatan Kimia untuk analisa bagi mengesan sisa racun perosak. Bagi tahun ini sahaja (Januari hingga Jun), dari 1323 sampel makanan yang dianalisa di seluruh negara (bagi menentukan had racun perosak), sebanyak 180 sampel atau 14% adalah terdiri dari sayur-sayuran dan buah-buahan yang diimport dan didapati

kandungan racun perosak di dalam sampel-sampel ini adalah tidak melebihi had yang dibenarkan di dalam Peraturan-peraturan Makanan 1985.

IJAZAH KEJURUTERAAN DAN PERUBATAN UNIVERSITI TEMPATAN— PENGIKTIRAFAN

33. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Ijazah Kejuruteraan dan Perubatan Universiti tempatan masih diiktirafkan oleh badan-badan akademik asing yang terkemuka.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ijazah Kejuruteraan dan Perubatan Universiti-universiti tempatan tidak menghadapi masalah pengiktirafan dan diterima oleh institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri. Pengiktirafan oleh badan-badan professional tertakluk kepada peraturan-peraturan khusus badan-badan itu tetapi setakat ini belum berbangkit apa-apa masalah berkenaan dengannya.

TANAH TERBIAR— MEMAJUKAN

34. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah rancangan Kementerian ini untuk memajukan semua tanah terbiar di negara ini ala FELCRA.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Mengikut perancangan asal memang Kementerian ini telah merancang untuk memajukan tanah terbiar yang telah dikenal pasti seluas 110,000 hektar di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Kementerian ini telah mengamanahkan kepada

FELCRA untuk melaksanakan tugas tersebut kerana sesuai dengan fungsi dan objektif ia ditubuhkan. Sebagaimana maklum mulai 1hb Julai, 1987 FELCRA secara rasminya telah berpindah ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Oleh itu dengan sendirinya tugas memajukan tanah-tanah terbiar akan menjadi tanggungjawab Kementerian berkenaan. Bagaimanapun Kementerian ini bersedia memberi kerjasama dalam membantu usaha yang murni ini.

KEBEBAKAN BERAGAMA

35. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bolehkah Kerajaan memberi jaminan bahawa kebebasan Agama seperti yang didapati di dalam Perlembagaan Persekutuan itu dihormati dan dibenarkan itu diteruskan; dan
- (b) bolehkah Kerajaan memberi jaminan bahawa dengan mengenalkan Undang-undang Islam di negara ini itu tidak akan melibatkan orang-orang bukan Islam.

Dato' Dr Mohammad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Jaminan kebebasan agama telah diperuntukkan di bawah Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan. Selagi peruntukan ini termaktub di dalam Perlembagaan sudah semestinya kerajaan menghormati peruntukan tersebut dan menjamin kebebasan seseorang itu termasuk menganuti agama pilihannya.
- (b) Hal ehwal berkenaan dengan Agama Islam adalah dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan sebuah negeri. Undang-undang Islam bagi sebuah negeri itu hanyalah

dipakai dan dikenakan kepada orang-orang yang beragama Islam yang berada di Negeri tersebut. Walau bagaimanapun Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan telah membuat peruntukan bahawa Kerajaan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang untuk mengawal dan menyekat perkembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti Agama Islam. Dari itu adalah diperhatikan bahawa Perlembagaan telah pun memberi jaminan bahawa undang-undang Islam yang sedia dan juga yang mungkin diperkenalkan di mana-mana negeri di negara ini tidak akan melibatkan orang-orang yang bukan beragama Islam.

RANCANGAN BELIA MENGANGGUR

36. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah hasil dari Rancangan Belia Menganggur. Apakah langkah-langkah bagi mengurangkan perkara tersebut.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai program khusus yang dikenali Rancangan Belia Menganggur. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia khususnya yang tidak berpelajaran tinggi, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian ini. Langkah-langkah tersebut dapat dilihat dari dua aspek, iaitu memberi Latihan Kemahiran kepada belia-belia dan menggalakkan mereka menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan sendiri.

Di bawah program Latihan Kemahiran, latihan-latihan berbentuk institusi dan bukan institusi telah diperkenalkan. Latihan berbentuk institusi memerlukan belia-belia mengikuti berbagai-bagai latihan kemahiran vokasyenal dan teknikal di Pusat-pusat Latihan Belia Negara Pertak, Dusun Tua, Kuala Terengganu dan Institut Belia Usahawan, Ipoh, Perak. Manakala latihan berinstitusi pula, ianya ditekankan kepada sistem pelajaran tidak formal yang membolehkan belia-belia mengikuti berbagai-bagai latihan vokasional, teknikal dan kraftangan melalui Skim Latihan Sambil Bekerja, Latihan Kemahiran Tidak Formal (Kraftangan) dan Bengkel Teknologi Desa.

Dalam aspek yang lain, Kementerian juga sentiasa memberi galakan dan dorongan kepada belia-belia untuk berniaga. Kursus-kursus seperti Dorongan Perniagaan, Motivasi Perniagaan dan Melahir dan Membina Usahawan telah diadakan semata-mata untuk mendedahkan belia-belia yang menganggur kepada dunia perniagaan. Bagi belia-belia yang telah berjaya mengikuti latihan-latihan kemahiran di Pusat-pusat Latihan Belia, mereka yang berpotensi dalam perniagaan dipilih untuk memasuki Institut Belia Usahawan bagi tujuan untuk memahirkan diri dalam bidang keusahawanan. Pada peringkat yang selanjutnya, pinjaman-pinjaman perniagaan juga disediakan kepada belia-belia yang mempunyai keyakinan penuh untuk memulakan perniagaan. Pinjaman-pinjaman tersebut diperolehi melalui Rancangan Belia Berniaga dan Rancangan Peniaga Kecil.

Kementerian ini juga telah berusaha untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah dan salah satu daripada program itu ialah Skim Khidmat Sukarelawan

Negara yang menawarkan siswazah-siswazah yang tidak mempunyai pekerjaan untuk berkhidmat kepada masyarakat.

TANAH TERBIAR— MEMAJUKAN

37. Tuan G. Rajoo minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau mempunyai sebarang rancangan untuk memajukan tanah-tanah yang terbiar di tepi jalan keretapi seluruh Malaysia untuk tujuan pertanian bagi menambahkan pengeluaran makanan serta mengwujudkan peluang pekerjaan seperti yang terdapat di beberapa negara asing. Jika ya, apakah rancangannya dan jika tidak kenapa.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Kementerian Pertanian tidak mempunyai sebarang rancangan untuk memajukan tanah-tanah terbiar di tepi jalan keretapi seluruh Malaysia memandangkan kepada tanah tersebut ditadbir sepenuhnya di bawah KTM dan Kementerian yang berkenaan.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

38. Tuan C. Krishnan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jumlah permohonan-permohonan untuk mendapatkan kerakyatan yang masih dalam pertimbangan Kementerian Dalam Negeri;
- (ii) sekiranya, Kementerian Dalam Negeri anggap perkara ini sebagai "rahsia" adakah cadangan untuk senaraikan semula maklumat terhadap jumlah pemohon kerakyatan sebagai tidak rahsia, bagi memenuhi permintaan-permintaan yang datang dari rakyat Malaysia supaya perkara ini tidak ditakrifkan sebagai rahsia Kerajaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah permohonan yang sedang dipertimbangkan oleh Kementerian Dalam Negeri sehingga 31-5-1987 ialah sebanyak 7,290 permohonan.

Kementerian ini mengklasifikasi maklumat-maklumat tertentu mengenai permohonan kewarganegaraan di bawah Akta Rahsia Rasmi dan tidak bercadang mengubahkannya pada masa ini.

KUTIPAN TOL LEBUHRAYA/ JAMBATAN PULAU PINANG

39. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kerjaya menyatakan jumlah kutipan tol Lebuhraya-lebuhraya di seluruh negara termasuk jambatan Pulau Pinang sehingga Jun 1987.

Dato' S. Samy Vellu: Jumlah kutipan tol di semua Lebuhraya dan jalan raya di seluruh negara hingga 30hb Jun, 1987 adalah \$161,225,443.78.

PROJEK LEBUHRAYA UTARA-SELATAN/ BEKALAN AIR

40. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kerjaya menyatakan kemajuan perlaksanaan dua (2) projek pembangunan utama yang terbesar iaitu projek Lebuhraya Utara-Selatan dan Projek Bekalan Air kawasan-kawasan ke luar bandar.

Dato' S. Samy Vellu: Perlaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar sedang dijalankan. Dalam tempoh 6 bulan kebelakangan ini, kebanyakan aktiviti mengenai projek ini tertumpu kepada menyelesaikan aspek-aspek teknikal, dan juga mengenalpasti bidang-bidang kerja bagi setiap skim yang akan dilaksanakan di bawah kontrak ini. Mengikut Antah Biwater J.V. yang mengendalikan projek ini, pesanan terhadap bahan-bahan binaan

yang akan digunakan untuk projek ini sedang dibuat dan mengikuti jadual kerja yang telah ditentukan. Perlaksanaan secara fizikal bagi skim yang pertama di Johor telah dimulakan dan pembinaan beberapa skim di negeri-negeri dijangka bermula dalam tempoh 3 atau 4 bulan lagi. Pada keseluruhannya, kemajuan projek ini adalah memuaskan mengikut program kerja yang telah ditentukan.

Mengenai perlaksanaan Projek Lebuhraya Utara-Selatan yang dicadangkan untuk diswastakan, ia dijangka akan bermula pada akhir tahun ini. Setakat ini perundingan-perundingan terakhir sedang dijalankan dengan Syarikat United Engineers (M) Bhd yang akan mengendalikan projek tersebut, sebaik sahaja beberapa isu diselesaikan mengenai projek ini, upacara menandatangani perjanjian akan dibuat yang dijangka dimeterikan dalam sedikit masa lagi.

ORANG ISLAM YANG MURTAD

41. Puan Habibah binti Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan berapakah orang Islam/Melayu yang telah murtad (masuk Kristian) dan berapakah bilangan mesyenerimesyeneri Kristian yang sedang berligar di negara ini sekarang.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah pada 15-7-87 kerana kedua-dua soalan itu mempunyai maksud hampir sama.

Orang-orang Islam yang murtad, jika ada, tidak melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak mempunyai perangkaan yang rasmi orang-orang

murtad itu. Walau bagaimanapun, setakat yang diketahui terdapat seorang guru Islam yang menukar agamanya kepada agama Kristian iaitu seorang guru perempuan berasal dari Pulau Pinang dan mengajar di Kedah. Pihak berkuasa agama Islam Negeri Kedah berusaha memberi nasihat kepada guru wanita itu tetapi beliau masih tetap dengan keputusannya.

Kerajaan tidak mempunyai rekod jumlah mesyeneri-mesyeneri Kristian yang sedang bergerak di negara ini.

JABATAN/AGENSI DITUBUHKAN OLEH KERAJAAN

42. Puan Habibah binti Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah terdapat bilangan Jabatan-jabatan atau Agensi-agensi Kerajaan atau Badan-badan Berkanun yang menjalankan kegiatan yang sama atau hampir bersamaan antara satu sama lain, lebih-lebih lagi dalam bidang kemasyarakatan sekarang ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tiap-tiap Jabatan atau Agensi Badan-badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan mempunyai tujuan atau objektif tertentu. Sungguhpun begitu, dari segi perlaksananya, program, projek dan kegiatan yang dijalankan oleh Jabatan atau Agensi-agensi atau Badan-badan Berkanun itu kadangkala mempunyai kaitan antara satu sama lain, terutama sekali dalam bidang kemasyarakatan. Ini adalah kerana bidang tersebut adalah terlalu luas. Walau bagaimanapun jika didapati ada Jabatan atau Agensi atau Badan-badan Berkanun yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang betul-betul sama dengan agensi yang lain, tindakan akan diambil untuk memperbetulkannya.

KURSUS DI UNIVERSITI TEMPATAN

43. Tuan A Shaik Dawood Abu Bakar minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang mengkaji semula kursus-kursus/fakulti di universiti-universiti tempatan untuk membolehkan para graduannya memenuhi kehendak negara di masa hadapan kerana pada masa ini terdapat ramai graduan yang tidak mendapat pekerjaan akibat ketidaksesuaian yang diambil.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus-kursus di universiti-universiti tempatan diadakan sesuai dengan kehendak dan keperluan negara dan matlamat penubuhan universiti. Walau bagaimanapun pihak universiti-universiti tempatan dari masa ke semasa mengkaji semula kursus mereka untuk disesuaikan dengan perkembangan semasa dan mempertingkatkan lagi kecemerlangan akademik serta perkembangan individu.

CUKAI-PENDAPATAN— PENERANGAN

44. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah program penerangan mengenai cukai pendapatan dibuat kalau ada:

- (a) berapa kali setahun;
- (b) bagaimana sambutan orang ramai dengan penerangan ini; dan
- (c) risalah mengenai perkara ini adakah disibarkan kepada orang ramai.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Kementerian saya mempunyai beberapa program penerangan yang tertentu mengenai cukai

pendapatan untuk disibarkan kepada orang ramai. Dalam hal ini Jabatan Hasil Dalam Negeri sekurang-kurangnya mengeluarkan kenyataan akhbar sebanyak 2 kali setahun untuk memberi tahu orang ramai tentang cara-cara untuk menghantar penyata-penyata, membuat pembayaran cukai dan memberi panduan tentang peraturan-peraturan cukai yang ada. Selain daripada itu, Jabatan Hasil juga mengadakan perjumpaan dengan Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA) setiap tahun bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan cukai pendapatan.

- (b) Sambutan orang ramai mengenai program-program ini adalah amat menggalakkan kerana ianya dapat membantu mereka memahami undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan dengan cukai pendapatan.
- (c) Kementerian saya memang ada mengeluarkan risalah kepada orang ramai di mana baru-baru ini diedarkan peraturan mengenai cukai ke atas menfaat kepada majikan-majikan. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri sedang menyediakan buku-buku panduan yang terperinci mengenai perundangan dan peraturan-peraturan berkaitan dengan cukai pendapatan untuk dicetak dan disibarkan kepada orang ramai.

SISWAZAH MENGANGGUR

45. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah siswazah menganggur yang sedang mengikuti Skim Perkhidmatan Sementara (SKS)

dan nyatakan berapa banyakkah yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi skim ini setahun.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya mohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan daripada Yang Berhormat Tuan Shaik Dawood juga pada hari ini kerana kedua-dua soalan ini mempunyai maksud yang sama.

Sehingga 1 Julai 1987 seramai 4,000 orang siswazah telah diambil berkhidmat di bawah Skim Khidmat Sambilan (SKS). Peruntukan sebanyak \$15 juta telah disediakan untuk membiayai skim ini bagi tempoh enam bulan iaitu mulai 1 Januari 1987 hingga 30 Jun 1987. Pada tempoh itu kadar elaun bulanan siswazah yang terlibat ialah \$600.00 bagi yang berkelulusan ijazah dan \$500.00 bagi yang berkelulusan diploma. Mulai 1 Julai 1987 perkhidmatan mereka disambung atas dasar bulan ke bulan dengan elaun bulanan sebanyak \$400.00 sahaja. Dengan itu dianggarkan peruntukan sebanyak \$1.6 juta adalah diperlukan bagi setiap bulan.

KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT

46. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah Kerajaan mengambil masa yang lama untuk memutuskan masalah Koperasi Pengambilan Deposit; dan
- (b) adakah Kerajaan menimbang menetapkan satu tarikh untuk menyelesaikan masalah itu.

Tuan Loke Yuen Yow: Saya tidak bersetuju Kerajaan mengambil masa yang lama untuk memutuskan masalah Koperasi Pengambilan Deposit. Rancangan penyelamat masalah ini telah pun diumumkan.

SKIM BANTUAN GRADUAN

47. Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan jumlah yang dibelanjakan setakat ini di bawah "Skim Bantuan Graduan" dan sama ada produktiviti mereka seimbang dengan jumlah perbelanjaan ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Soalan Yang Berhormat ini telah saya jawab bersama soalan daripada Yang Berhormat Puan Rokiah Zainuddin pada 13-7-87 dan saya tidak bermaksud untuk membuat sebarang tambahan.

CUKAI PENDAPATAN— KUTIPAN

48. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Kewangan menerangkan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengutip setiap sen cukai pendapatan yang masih belum dibayar kepada Jabatan Cukai Dalam Negeri.

Tuan Loke Yuen Yow: Sukalah saya menegaskan di sini bahawa Kementerian saya akan memastikan supaya syarikat-syarikat swasta dan orang-orang perseorangan menjelaskan cukai pendapatan mereka mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya mereka enggan berbuat demikian, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak teragak-agak mengenakan denda sebanyak 15% atas baki cukai yang belum dibayar. Selepas daripada penggenaan penalti ini, tindakan mahkamah akan diambil bagi menuntut cukai-cukai yang belum lagi dijelaskan.

JETI TANJONG BRUAS DI SWASTAKAN

49. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar atau tidak Jeti Tanjong Bruas

Melaka akan diswastakan; jika benar, adakah pengimport-pengimport yang selama ini telah menggunakan Jeti tersebut diberi keutamaan untuk menyertai projek penswastaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Ya, adalah benar Jeti Tg. Bruas akan diswastakan. Kerajaan sedang berunding dengan sebuah syarikat yang berminat untuk mengambilalih Jeti tersebut. Salah satu syarat yang akan dipertimbangkan, syarikat tersebut perlu menawarkan beberapa peratus sahamnya kepada mereka-mereka yang terlibat di dalam operasi Jeti pada masa ini termasuk pengimport-pengimport yang selama ini telah menggunakan Jeti tersebut.

TANDA LEBUHRAYA

50. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapakah tidak ada sistem lampu yang elok, penunjuk jalan raya atau arah tunjuk diberikan di persimpangan jalan merbahaya di mana kebanyakannya kerja-kerja utama dijalankan umpamanya, dengan izin, di "interchange" di jalan Rasah, Seremban yang besar dan sibuk di mana telah mengakibatkan sekurang-kurangnya satu kes kematangan kematian.

Dato' S. Samu Vellu: Persimpangan Rasah yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat adalah sedang dalam pembinaan oleh pihak pemborong. Garis panduan telah diberikan kepada pemborong yang melaksanakan kerja tersebut supaya memasang tandatanda lebuhraya yang secukupnya untuk menjamin keselamatan para pemandu. Tanda-tanda dan penunjuk yang mesti diletakkan adalah seperti lampu, lengcongan dan sebagainya. Kementerian adalah berpuas hati dengan tanda-tanda dan penunjuk jalan yang telah dipasang oleh

pemborong di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun harus dingat pemandu-pemandu juga menjadi faktor terjadinya sesuatu kemalangan walaupun tanda dan penunjuk yang sempurna diletakkan. Mengenai kes kematian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya difahamkan tidak ada laporan yang diterima menyatakan kecuaian memasang tanda-tanda jalan di kawasan itu.

PENDATANG HARAM— PENDIRIAN KERAJAAN

51. Tuan G. Rajoo minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendirian Kerajaan terhadap pendatang-pendatang haram daripada Indonesia khususnya selepas kenyataan beberapa tokoh negara kita tentang pertambahan kejadian jenayah oleh mereka di Ibukota.
- (b) sama ada Kerajaan sedar bahawa mereka sedang menjadi ancaman kepada agama Islam serta peniaga-peniaga kecil kita yang sah; dan
- (c) sama ada Kerajaan boleh memberi jaminan bahawa masalah daripada golongan ini tidak akan bertambah buruk pada masa akan datang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan memandang serious terhadap pendatang-pendatang haram di negara ini. Oleh itu, Kerajaan telah dan sedang mengambil tindakan tegas dengan menangkap, mendakwa dan mengusir pendatang-pendatang haram yang dikesan di negara ini. Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pendatang-pendatang haram di negara ini atas kesedaran dan tanggungjawab Kerajaan untuk memelihara kepentingan rakyat dalam nilai-nilai ekonomi, sosial dan keselamatan.

Pada masa ini, Kerajaan mengambil segala langkah yang sesuai untuk mencegah kemasukan pendatang haram ke negara ini dengan mengadakan rondaan yang pesat di kawasan perairan dan kawasan daratan sempadan Malaysia.

TANAH TAPAK SEKOLAH TAMIL—MENGAMBILALIH

52. Tuan C. Krishnan minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengambilalih semua tanah-tanah sekolah-sekolah Tamil yang pada masa ini dimiliki oleh pihak swasta supaya lebih banyak bantuan kewangan boleh diberi kepada sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara yang begitu uzur dan kurang memuaskan keadaan bangunan-bangunannya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan belum lagi bercadang untuk mengambilalih tanah tapak sekolah-sekolah Tamil yang dimiliki oleh pihak swasta.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986 DAN 1987)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi

perkhidmatan tahun 1986 dan 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$55,940,100 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai dua tambahan perbelanjaan bekalan iaitu melalui Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1986 berjumlah \$2 juta dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1987 berjumlah \$53,940,100.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bercadang hendak mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1986.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan tambahan sebanyak \$2 juta bagi perkhidmatan tahun 1986 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya oleh Akta Perbekalan 1986, Akta Perbekalan Tambahan 1986 dan Akta Perbekalan Tambahan 1986/1987. Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1986 ini berjumlah \$4,708,000, tetapi sebanyak \$2 juta sahaja diminta diluluskan di bawah fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$2,708,000 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tuan Yang di-Petua, tambahan peruntukan sebanyak \$2 juta yang diminta di bawah fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah untuk menampung kekurangan peruntukan perkhidmatan dan bekalan sebanyak \$1.6 juta dan peruntukan pemberian

dikenakan bayaran tetap sebanyak \$400,000 di bawah Maksud B. 27—Kementerian Luar Negeri.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1986 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17/1987 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17A/1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon izin mengemukakan pula Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1987. Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan tambahan berjumlah \$53,940,100 bagi perkhidmatan tahun 1987 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan secukupnya oleh Akta Perbekalan 1987. Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1987 berjumlah \$54,020,100 tetapi sebanyak \$53,940,100 sahaja diminta diluluskan di bawah fasal 3 Rang Undang-undang ini kerana bakinya sebanyak \$80,000 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang ditanggung kepada perbekalan undangan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah sebanyak \$50 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 7—Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan. Sebanyak \$3.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 51—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi membiayai program baru iaitu Kawalselia Telekom berikut dengan penswastaan Jabatan Telekom mulai 1hb Januari, 1987. Butir-butir dan keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1987 adalah seperti dalam

Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18/1987 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A/1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Silakan Yang Berhormat Tuan Hassan Alban.

3.52 ptg.

Tuan Hassan Albin bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987).

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap, dalam persidangan yang lalu telah juga dibentangkan satu Rang Undang-undang yang berupa demikian iaitu berupa tambahan dan di dalam sejarah Dewan ini hampir tahun demi tahun Akta seumpama ini dibahaskan.

Tentu sekali timbul masalah rakyat bertanya-tanya mengapakah kerap kali berlaku peruntukan tambahan itu? Tambahan pula kali ini kita terpaksa membahaskan peruntukan tambahan tahun 1986 yang seharusnya sudah kita buat tahun dahulu. Dan apakah sebabnya? Mungkin orang yang tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, akan

menuduh para professional kita, dengan izin, yang telah ditugaskan merangka estimet tiap-tiap tahun untuk Kementerian-kementerian berkenaan, mungkin ini adalah disebabkan kerana tidak cekap merancang telah berlaku perkara-perkara tambahan untuk tiap-tiap tahun.

Saya tidak faham mengapakah peruntukan untuk tahun 1986 tidak dibereskan pada tahun yang lalu juga dan menunggu sehingga dalam persidangan ini baru minta tambahan pula lebih kurang \$2 juta. Dan adalah diharapkan di masa-masa akan datang, Tuan Yang di-Pertua, masalah seumpama ini tidak akan berulang lagi kerana dalam keadaan kita menghadapi kemelesetan ekonomi ini perancangan-perancangan yang rapi haruslah dibuat.

Walaupun kadangkala masalah-masalah itu boleh timbul dalam masa satu-satu tahun, masalah yang tidak dijangka oleh para perancang tetapi seharusnya perkara seumpama ini dapat dielakkan sekiranya dirancangkan dengan baik.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, perkara seumpama ini kalau ada dibahaskan di dalam Dewan yang akan datang, risalah yang berkenaan dengan Rang Undang-undang yang harus dibahaskan, saya rasa harus dikirimkan kepada kami terlebih awal kerana saya sendiri pun baru mendapat satu naskah risalah berkenaan dengan masalah yang kita bahaskan pada hari ini.

Kalau risalah seperti ini datang lambat, bagaimanakah Dewan ini akan dapat mendengar pendapat-pendapat yang bernes dari kami Ahli-ahli Dewan kerana kami tidak akan dapat membahaskan dengan terperinci dan mendalam kalau kita hanya dapat tahu masalah ini baru sekarang? Sebab itu di masa-masa yang akan datang sekurang-kurangnya, terutama sekali bagi kami yang jauh dari Sabah dan

Sarawak tolonglah hantarkan awal sedikit kalau boleh supaya dapat kami membahaskan dengan baik dan bernes tentang masalah-masalah yang ada di hadapan kita. Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

3.56 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang yang bernama satu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 1986 dan 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong, saya ingin juga membuat beberapa saranan dan sentuhan kepada perkara-perkara yang dicatatkan di dalam Rang Undang-undang ini iaitu umpamanya peruntukan sebanyak \$2 juta daripada Kumpulanwang Disatukan telah dibelanjakan dalam tahun 1986 bagi keperluan untuk B. 27 iaitu Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang faham dan menghargai jasa baik dan usaha Kementerian yang berkenaan yang telah banyak mengusahakan perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan kepada mereka terutamanya mengenai hubungan luar negeri dan peruntukan itu mungkin wajar bagi membantu masalah kewangan yang timbul dalam mereka menjalankan tanggungjawab yang besar itu.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, melalui rungutan, pengalaman, penulisan dan laporan yang kita dapati bahawa Kementerian Luar sangat perlu mengambil perhatian kepada peranan kedutaan

kita di luar negeri dalam meninggikan imej negara dan mengambil berat tentang hal-hewal warganegara Malaysia termasuk penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar kita yang berada di negara-negara yang mempunyai kedutaan ataupun yang ditempatkan duta kita.

Terdapat beberapa kedutaan kita diluar negeri, terutamanya di Europe tidak begitu berfungsi dengan baiknya dalam membuat hubungan dua hala untuk negara yang diwakilinya dengan negara yang dipertanggungjawabkan untuk mereka. Umpamanya, dalam pengembangan imej bagi negara kita, satu contoh berlaku baru-baru ini bahawa di sebuah negara di luar negeri.

Saya harap pihak Kementerian akan menerima teguran ini dengan ikhlas. Tanpa menyebutkan negara yang berkenaan. Kita dapat pengembangan bagi hal-hewal negara kita yang disalurkan oleh kedutaan kita sangatlah lemah. Banyak penuntut kita yang berada di negara yang berkenaan itu tidak mendapat layanan yang sewajarnya dari pihak kedutaan yang berkenaan, walaupun mereka cuba membuat perhubungan. Terdapat beberapa diskriminasi di antara petugas-petugas kita di luar negeri mengenai melayani warganegara kita yang berada di luar negeri.

Contohnya, kalaularah pegawai kita itu dari satu kaum tertentu, maka kaum itu sahajalah yang mendapat layanan dan kalau ia terdiri dari kaum yang lain pula, maka terdapat kaum itu sahaja yang akan mendapat layanan yang baik. Sedangkan kaum yang lain diabaikan atau ada diantaranya tidak diberikan layanan yang sewajarnya dalam masalah besar yang mereka hadapi.

Kita harap pihak kedutaan, terutamanya Kementerian Luar dapat meneliti secara terperinci peranan kedutaan-kedutaan kita di luar negeri

dan dapat menentukan pegawai-pegawai yang sesuai bagi negara berkenaan dan biarlah pegawai-pegawai itu berjiwa Malaysia.

Hendaknya janganlah ada lagi dari pegawai-pegawai tinggi kita di luar negeri yang tidak menjawai semangat kenegaraan lalu membuat kerja-kerja yang bertentangan dengan dasar negara kita dan dasar Kementerian itu sendiri, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Kita telah mendapat laporan dengan bukti-buktinya perkara-perkara ini berlaku. Kita percaya dalam kita hendak memajukan negara mengenai pelaburan asing umpamanya, dalam kita hendak menarik pelancong dari luar negeri ke negara kita khasnya, setelah kita tubuhkan Kementerian yang berkenaan, peranan kedua-dua bertambah lagi pentingnya dan memerlukan semangat dedikasi dan juga semangat kekitaan yang tinggi di kalangan pegawai-pegawai kedutaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kepada pertambahan yang telah dibelanjakan ini dan kalaupun pihak Kementerian Luar Negeri memerlukan perbelanjaan yang wajar bagi tujuan-tujuan kenegaraan ini, sewajarnyalah diberikan sokongan. Seperkara lagi, terdapat juga rungutan-rungutan bahawa cara penbadiran di Kedutaan kita di luar negeri ada di antaranya yang masih memakai sistem penjajah. Kita harap ini juga dapat diperbetulkan.

Kedua, mengenai peruntukan B. 7—Jabatan Perdana Menteri ini tidak banyak komennya, wajarlah kerana Jabatan ini terlalu banyak tanggungjawabnya.

Mengenai B. 51, iaitu peruntukan tambahan yang diberi kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, saya juga ingin menyentuh rungutan-rungutan yang masih meluas daripada rakyat jelata mengenai sistem telefon kita yang belum lagi

dapat memuaskan dan belum lagi dapat dikatakan standard atau bermutu seperti negara-negara lain yang berdekatan dengan negara kita. Masih lagi terdapat bil-bil yang silap, telefon tidak digunakan, beribu-ribu ringgit naik bilnya, masih terdapat line-line yang dicuri tanpa disedari atau tidak disedari, tahu-tahu bil kita naik \$2,000 - \$3,000 dan line kita engaged sepanjang masa. Ada ketika-ketikanya kita tidak dapat menggunakan line, cross-line yang menjadi-jadi dan lain-lain juga. Perkara-perkara yang biasa dirungutkan, yang disuarakan oleh mass media selalunya dalam ruangan-ruangan "Suara Rakyat", "Mimbar Pembaca" dan lain-lainnya. Perlulah Kementerian ini walaupun telah diswastakan mengambil perhatian berat.

Seperkara lagi mengenai peranan para operator kita. Sungguh kita rasa dukacita, kita dapat para Operator kita ataupun pekerja-pekerja di Bahagian Talian kita kebanyakannya tidak begitu menitikberatkan kepada tanggungjawabnya. Apabila kita mendail 103, kita bertanya nama-nama yang mudah, mereka mengambil masa, kadang-kadang sampai dua tiga minit untuk memberi tahu kita nombor yang berkenaan sedangkan nama-nama itu adalah nama-nama terpenting. Ini berlaku berkali-kali, banyak pengaduan yang diberitahu kepada saya, malahan pengalaman saya sendiri, kerana ingin menguji apakah report yang diberikan itu benar atau tidak, maka didapati ada kebenarannya. Ada Operator-operator kita yang suka memonteng dalam kerjanya dan dukacita, kebanyakannya wanita, mereka lebih mengutamakan kerja-kerja tangan mereka daripada menjawab panggilan telefon. Ini berlaku di Kementerian-kementerian malangnya. Umpamanya di Kementerian Penerangan, di Kementerian-kementerian lain juga ada berlaku. Line "engaged"

sepanjang masa, terlalu "busy" tetapi apabila kita siasat, didapati bukan line yang busy tetapi manusia yang di balik dawaian itu yang busy dengan tugas persendirian mereka. Ini juga para-para Supervisor patut mengambil perhatian berat kerana ini merupakan satu penyakit ataupun kelemahan kepada Kementerian, negara dan kepada perkhidmatan telefon-telefon di negara kita ini.

Kita mengucapkan syabas, mungkin setelah diswastakan, kita akan dapat beberapa pembaharuan dan beberapa perkara yang boleh merupakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada para pengguna yang dihasilkan oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa menegur perkara-perkara yang begini kerana kita dapati bertahun-tahun sudah teguran ini dibuat tanpa ada layanan, tanpa ada perhatian dan juga tindakan dari Kementerian yang berkenaan. Di Dewan ini, hampir setahun sudah perkara ini sentiasa dibawa, sentiasa diperkatakan dengan panjang lebar, hujah, bukti tetapi jawapan diberi hanya sekadar melepaskan batuk ditangga.

Tuan Yang di-Pertua, mohonlah saya Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian berat kepada pandangan rakyat dan kepada teguran-teguran yang membina ini. Biarlah pahit kalau ianya boleh menjadi ubat kepada penyakit yang sedang merebak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

4.06 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan

Tambahan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini.

Seperti kita sedia maklum Rang Undang-undang ini bertujuan memberi kuasa berkenan supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Awam Persekutuan dalam tahun 1986 dan 1987 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1986 dan Akta Perbekalan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh peruntukan sebanyak \$2 juta bagi tajuk Kementerian Luar Negeri di bawah Maksud B.27. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Menteri Luar Negeri kita yang baru dan juga Menteri Luar Negeri yang lama yang berusaha bersungguh-sungguh untuk melobi dan berjaya mengekalkan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Persidangan Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Haram di Vienna, Austria baru-baru ini.

Pemilihan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selaku Presiden, jelas membuktikan perakuan dunia dalam usaha kita membanteras pengedaran dan penyalahgunaan najis dadah. Malaysia telah mendapat sokongan negara yang begitu banyak di Persidangan itu walaupun ada di antaranya telah mengugat Malaysia sebelum ini sebagai salah sebuah negara yang kononnya mempunyai undang-undang "barbaric" dan tidak bertamaddun. Negara-negara yang mengutuk kita dahulu ingin mencontohi undang-undang semikian sekarang. Mereka dengan senyap-senyap datang memerhati dan memahami undang-undang kita agar mereka dapat melaksanakan di dalam negara masing-masing. Ini adalah satu kejayaan dan penghormatan yang paling besar kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, setelah pemilihan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Presiden Persidangan Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran itu, beberapa langkah yang tegas telah dirancang untuk dilaksanakan oleh negara-negara di seluruh dunia melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencegah penyalahgunaan dadah dan pengedaran haram. Tindakan dan langkah-langkah ini pasti akan menemui bantahan yang hebat daripada sindiket-sindiket kongsi gelap dan ketua-ketua mafia dan kumpulan-kumpulan haram di bawah tanah yang selama ini menjalankan aktiviti perniagaan najis dadah itu. Mereka telah bergiat dan bertindak di dalam dan di luar negeri. Ahli-ahli kumpulan ini disifatkan sebagai kumpulan yang keji yang sanggup melakukan kekejaman dan juga pembunuhan untuk memperjuangkan usaha mereka mengedor najis dadah lalu mendapat keuntungan berjuta-juta ringgit. Saya yakin dan percaya mereka juga tidak teragak-agak untuk menjatuhkan Kerajaan yang sah dengan mencetuskan huru-hara di kalangan rakyat dengan cara yang subtle dengan kekuatan kewangan mereka itu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk memberi pandangan kepada Kementerian Luar Negeri agar pegawai-pegawai kedutaan luar negeri lebih berwaspada dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Di samping itu, pegawai-pegawai Kedutaan Malaysia hendaklah diberi perlindungan dan keselamatan yang sewajarnya. Oleh kerana kita anti dadah, rakyat kita pasti akan menjadi target dan sasaran kumpulan-kumpulan haram itu.

Satu lagi perkara yang ingin saya membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan dengan perkara di atas adalah berkenaan dengan keselamatan pegawai-pegawai Kerajaan kita, termasuk Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri, Menteri dan Timbalan Menteri apabila membuat lawatan rasmi ataupun tidak rasmi ke luar negeri. Kementerian Luar Negeri hendaklah mempastikan keselamatan dan perlindungan yang secukupnya diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita termasuk Menteri dan Timbalan Menteri apabila mereka membuat lawatan ke luar negeri. Jika kita beragu-ragu atas keselamatan yang akan diberi di sesuatu negara, maka tidak salahlah kita membatalkan lawatan ke negara itu kerana kita rakyat Malaysia lebih mencintai pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin Kerajaan kita. Saya yakin dan percaya Kementerian Luar Negeri melalui kedutaan-kedutaan kita akan mengambil tindakan yang lebih berwaspada menjaga keselamatan pegawai-pegawai Kerajaan, tokoh-tokoh politik dan juga pelajar-pelajar serta juga rakyat Malaysia di luar negeri. Jika perlu, lebih banyak lagi pegawai pegawai keselamatan hendaklah diletakkan di kedutaan-kedutaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong peruntukan sebanyak \$50 juta di bawah tajuk Jabatan Perdana Menteri di bawah Maksud B. 7. Walaupun beberapa aspek dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri amat membanggakan, terdapat juga beberapa kekurangan dalam usaha mewujudkan perpaduan negara dan menghapuskan polarisasi kaum oleh Jabatan Perpaduan Negara. Usaha menghapuskan polarisasi kaum memanglah bukannya sesuatu yang mudah dilakukan. Walau bagaimanapun, ianya bukanlah mustahil, asal kita sanggup mendekati masalah perpaduan antara kaum secara rasional berdasarkan sejarah masa lalu dan realiti masa kini.

Bertolak dari kesedaran ini, Kerajaan hendaklah mengambil beberapa langkah dengan segera.

Kerajaan hendaklah jelas menerangkan kepada orang ramai tentang sejarah masa lalu dan kenyataan masa kini. Ini boleh dilakukan melalui Radio, Televisyen, akbar serta majalah-majalah dan juga sekolah, pertubuhan-pertubuhan sosial dan kelas-kelas Perpaduan Rakyat. Jenerasi muda kita masih kurang faham, walaupun tidak jahil sama sekali, tentang sejarah dan latarbelakang negara ini. Oleh yang demikian, apabila berlakunya sesuatu kerapkali pandangan hanya mengambil kira salah satu daripada kedua-dua aspek iaitu menerangkan sejarah masa lalu atau kenyataan masa kini. Hasilnya muncullah pandangan yang tidak adil kepada golongan-golongan yang terlibat. Berikutkan ini, kita menghadapi sesuatu keadaan yang delicate di mana keamanan dan perpaduan rakyat hanya tergantung kepada tali yang sangat nipis. Untuk mewujudkan perpaduan rakyat dan menghapuskan polarisasi kaum, Jabatan Perdana Menteri melalui agensi Jabatan Perpaduan Negara hendaklah memainkan peranan yang lebih agresif dan positif di kalangan rakyat. Kelas-kelas perpaduan rakyat yang telah dilaksanakan di seluruh negara hendaklah diperkemaskan lagi. Lebih banyak lagi kelas perpaduan rakyat hendaklah didirikan di seluruh negara dengan memberi keutamaan kepada ciri-ciri perpaduan rakyat. Penyeliaan yang sewajarnya hendaklah diadakan supaya kelas-kelas ini mencapai hasrat dan matlamat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan beberapa kelas perpaduan rakyat di seluruh negara ini ditutup kerana beberapa sebab, di antaranya kekurangan kewangan akibat kemelesetan ekonomi dan kononnya kelas-kelas ini berjalan tanpa sebarang kawalan secara slipshod. Saya berpendapat Kerajaan hendaklah mencari punca kewangan untuk mewujudkan lagi lebih banyak kelas

perpaduan rakyat dan mengawasi perjalannya dengan lebih rapi agar kelas-kelas ini memainkan peranan yang sewajarnya dalam menghapuskan polarisasi kaum.

Dalam proses mewujudkan perpaduan antara kaum, pihak Jabatan Perpaduan Negara haruslah berusaha menunjukkan kepada orang ramai bahawa dalam beraneka kebudayaan dan tradisi agama yang ada dalam masyarakat kita ini terdapat nilai-nilai bersama yang harus ditekankan. Elok disedari bahawa di peringkat falsafah masyarakat terdapat banyak titik-titik persamaan di antara berbagai agama dalam masyarakat kita ini. Setengah dari nilai-nilai ini berkait dengan konsep kekeluargaan, penolakan sikap tamak haloba serta rasuah dan pentingnya nilai-nilai luhur dan jujur dalam kehidupan. Jabatan Perpaduan Negara haruslah menyedarkan rakyat bahawa mereka hendaklah melihat agama masing-masing secara luas sambil memberi perhatian kepada nilai-nilai universal dalam agama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekarang bukannya soal boleh atau tidak perpaduan wujud dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama ini. Sangkaan bahawa perpaduan antara kaum tidak mungkin wujud dalam masyarakat yang majmuk adalah mustahil. Mereka yang berpendapat begini selakunya memerlukan sentimen perkauman untuk memelihara kedudukan politik mereka ataupun mereka sama sekali jahil dalam proses pembentukan masyarakat. Memang tidak salah jika dikatakan bahawa masa hadapan masyarakat Malaysia bergantung kepada setakat mana kita berjaya bersatupadu hingga membawa kepada sikap kenegaraan bersama dalam ertiinya yang sebenar. Jika kita gagal dalam usaha ini, pasti kita akan dikutuk oleh anak cucu kita nanti sebagai tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga menyokong peruntukan sebanyak \$3,940,100 bagi tajuk Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Maksud B.51. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini keadaan segolongan masyarakat yang tinggal di ladang-ladang getah yang mengalami kesukaran dan kesengsaraan menerima dan menghantar berita melalui telefon di zaman yang moden ini. Seperti sedia maklum, kebanyakan ladang kereta di negara ini terletak jauh dari bandar di kawasan-kawasan terpencil. Hanya pengurus ladang tersebut dan pejabatnya menikmati kemudahan telefon.

Penduduk-penduduk ladang tidak diberi kemudahan menggunakan telefon ini dan orang luar hanya boleh menghubungi mereka pada waktu pejabat sahaja. Apabila berlaku sesuatu kematian atau bencana ke atas saudara mara mereka pada waktu petang atau malam, penduduk-penduduk ladang ini tidak dapat dihubungi kerana di luar waktu pejabat tidak ada orang yang akan menghantar berita kepada penduduk. Perkara ini telah menyulitkan kehidupan rakyat dalam ladang dan menghalaukan mereka dari ladang.

Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah untuk mendirikan beberapa pondok telefon awam berhampiran dengan kedai kopi atau Dewan di setiap ladang di negara ini. Pondok-pondok telefon ini akan memberi kemudahan bagi penduduk ladang berhubung dengan orang lain dan senang dihubungi bila-bila masa sahaja.

Suatu lagi perkara yang ingin saya menyentuh adalah berkenaan dengan cara penyampaian surat kepada penduduk-penduduk ladang. Pada lazimnya surat-surat bagi sesuatu ladang dipungut oleh pekerja ladang dari pejabat-pejabat pos berhampiran

dan setelah mengambil surat-surat berkaitan dengan pihak pengurus lain-lain surat dicampak dalam suatu tempat seperti kedai kopi dalam ladang itu. Kadangkala posmen yang datang menghantar surat mencampak semua surat penduduk ladang di suatu tempat seperti di kedai kopi atau Dewan di ladang tersebut. Surat-surat begini akan terbiar selama beberapa hari dan kadangkala tidak langsung sampai kepada penerimanya. Ada kalanya surat-surat tersebut dicuri ataupun dibaca oleh orang lain.

Perkara begini adalah amat berleluasa dan amat menyedihkan hati. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya mengarahkan setiap posmen di negara ini untuk menyerahkan surat kepada penerimanya di rumah masing-masing jika alamat lengkap dalam surat itu.

Tuan Yang di-Pertua, suatu lagi aspek saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan perkhidmatan telefon di negara ini. Sebelum 1hb Januari 1987 pengguna telefon sering kali kompleks berkaitan dengan bil telefon yang tinggi, line telefon yang berselisih, dengan izin, cross line, operator telefon yang kurang sopan, kelewatan dalam pemasangan telefon dan pemberian kerosakan telefon dan sebagainya.

Apabila penswastaan telefon berlaku dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad mengambil alih pentadbiran perkhidmatan telefon, pengguna telefon yakin dan percaya kompleks-kompleks seperti di atas tidak akan berlaku lagi. Tetapi malangnya kompleks-kompleks begini makin meningkat sekarang.

Tujuan dan matlamat penswastaan untuk meningkatkan efficiency dan produktiviti serta memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat tidak tercapai. Malah matlamat itu telah gagal. Pengguna-pengguna

masih lagi mengalami masalah yang sama dan lebih buruk lagi terpaksa membayar cagaran yang lebih tinggi hanya beberapa bulan sahaja selepas STMB mengambil alih. Syarikat Telekom Malaysia menuntut pengguna membayar cagaran tambahan sebanyak \$100 hingga \$2,500 mengikut keadaan, manakala cagaran terdahulu, ini adalah hanya \$72 hingga \$100 sahaja.

Seorang kawan saya disuruh membayar \$622 sebagai cagaran tambahan manakala cagaran terdahulu hanya \$75 sahaja. Jika tidak bayar telefon akan dipotong. Perkara begini telah mewujudkan perasaan tidak senang hati di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, minta berhenti sekejap. Saya akan memberi sedikit pengumuman. Duduk dahulu sekejap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 6 Fasal 3, saya ingin memberitahu Dewan ini, saya minta Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiddeen mengetuai mesyuarat ini buat sementara sampai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dilantik semula. Jadi, minta Yang Berhormat sambungan ucapan tadi.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai mempergerusikan Mesyuarat).

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Silakan Yang Berhormat sambung ucapan.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, mereka mula bertanya, apakah telah terjadi kepada deposit cagaran yang telah diberikan kepada STMB? Bolehkah atau tidak seseorang yang membayar cagaran yang begitu tinggi berhak mendapat faedah daripada cagaran itu? Soalan-soalan ini harus dijawab kerana selaku

pengguna, rakyat berhak mendapat jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini STMB juga telah menaikkan charge pemasangan telefon. Mengenai bil telefon yang tinggi dan membilang ke atas panggilan yang tidak langsung dibuat.

Saya berharap Kerajaan akan mengarahkan STMB untuk mengkaji dengan serius masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna telefon dan memperbaikinya dengan segera. Kerajaan hendaklah memastikan penswastaan sebarang kemudahan awam benar-benar menguntungkan penggunanya. Dengan harapan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 1987. Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay.

4.29 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tamabahan 1986 dan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang tersebut dan suka sentuh memberi sedikit pandangan berkenaan dengan B.57 iaitu berkaitan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tidak sepatutnya semata-mata mencari keuntungan kerana Kementerian ini adalah bertanggungjawab kepada rakyat jelata dalam memberikan perkhidmatan.

Saya menyebutkan keuntungan daripada Kementerian ini kerana ia terlibat dengan bekalan elektrik iaitu berkenaan tenaga. Lembaga Letrik

Negara tidak sepatutnya semata-mata mencari keuntungan. Saya memberi contoh kerana dalam kemelesetan ekonomi negara sekarang ada setengah-setengah pekilang-pekilang ataupun pelabur-pelabur asing yang sedia ada kerana hendak menghadapi kemerosotan ekonomi juga terpaksa membebani membayar bil elektrik yang begitu tinggi.

Ini adalah disebabkan kerana kadar bayaran elektrik yang dikenakan kepada pekilang-pekilang yang terlalu tinggi dan sepatutnya Lembaga Letrik Negara bersama-sama bertanggungjawab memberi concession ataupun insentif, dengan izin, kepada pekilang-pekilang yang sekarang sedang bersama-sama menghadapi kemerosotan ekonomi negara kita. Juga kepada pelabur yang membina hotel-hotel di negara kita dalam keadaan kemelesetan ekonomi, kita semua sedia maklum bahawa kekurangan pelancong yang akan melawat negara kita.

Sekiranya hotel-hotel ini hendak menjelaskan ataupun hendak sustain, dengan izin, bilik-bilik yang ada itu dan dengan membayar bil elektrik yang begitu mahal, tidak adil dan tidak patut. Oleh itu, sepatutnya Lembaga Letrik Negara memberikan kajian semula ataupun memberi insentif kepada hotel-hotel yang ada diseluruh negara kita ini dengan kadar yang rendah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka juga menimbulkan sedikit masalah berkenaan dengan Lembaga Letrik Negara (LLN) iaitu berkenaan dengan pasangan lampu-lampu jalan. Sebenarnya lampu-lampu jalan ini adalah amat penting kepada penduduk-penduduk luar bandar. Seperti yang kita semua maklum untuk satu kawasan yang hendak memohon memasang satu lampu jalan begitu susah walaupun kita mendapat kelulusan Kerajaan Tempatan tetapi sering kali kita mendapat penjelasan

daripada pihak LLN bahawa Kerajaan Tempatan terpaksa membayar kos untuk memasang, kos untuk memindah lampu-lampu jalan sehingga setengah-setengah kawasan luar bandar sudah bertahun-tahun memohon lampu jalan tetapi belum dapat dipasang. Ini sepatutnya LLN mengambil tanggungjawab sebagai tanggungjawab kepada masyarakat kita kerana dengan adanya lampu-lampu jalan ianya akan dapat bersama-sama dengan polis dari segi mencegah kes-kes jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu sedikit pandangan berkaitan dengan Jabatan Telekom. Sebenarnya Kerajaan telah mengswastakan Jabatan Telekom semenjak Januari 1987 kepada STMB. Kerajaan mengswastakan perkhidmatan telefon kepada STMB dengan tujuan dan matlamat hendak meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan produktiviti. Sehingga hari ini penswastaan perkhidmatan telefon cuma lebih kurang 7 bulan kepada STMB tetapi kita telah menerima beberapa aduan bahawa bukan sahaja STMB tidak meningkatkan kecekapan tetapi telah banyak menyusahkan pelanggan pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkhidmatan telefon ini adalah sebagai satu perhubungan awam yang begitu penting kepada masyarakat kita. Oleh itu saya suka meminta perhatian Kerajaan kita bahawa bukan semua Jabatan ini sepatutnya diswastakan. Sebelum jabatan-jabatan seperti Jabatan Telekom ini diswastakan patut kita buat kajian dengan lebih teliti kerana apabila perkhidmatan telefon ini di bawah Kementerian dia bertanggungjawab kepada masyarakat dan bertanggungjawab kepada Kerajaan. Tetapi apabila perkhidmatan telefon ini diswastakan kepada sebuah syarikat, syarikat ini hanya

bertanggungjawab kepada pemegang-pemegang saham dan dengan tujuan dan matlamat mencari keuntungan. Oleh itu kita dapati dalam tempoh hanya 6 bulan ini banyak pelanggan-pelanggan dan pengguna-pengguna telefon mendapati talian mereka dipotong sehingga ada setengah-setengah pengguna telefon membayar bil-bil telefon yang mereka telah jelaskan 12 bulan yang lalu atau 4 bulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ada pernah saya membawa satu kes kepada Jabatan Telekom di Melaka bahawa pegawai yang berkenaan meminta pengguna telefon yang berkenaan membuktikan bil pada setahun yang lepas membuktikan kepada Jabatan Telekom bahawa dia telah menjelaskan bil tersebut. Maklumlah kita semua ini mana kita hendak simpan bil telefon sampai setahun. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tindakan yang diambil oleh STMB ini tidak betul. Bagi talian-talian telefon yang telah dipotong, pengguna-pengguna terpaksa membayar pula \$50 baru talian mereka disambung semula. Ini adalah sangat mahal dan membebankan kepada rakyat jelata. Begitu juga, perkhidmatan telefon yang ada sekarang ini ada pengguna-pengguna yang telah membuat beberapa aduan kepada STMB tentang bil-bil telefon yang meningkat begitu tinggi tetapi apabila jawapan didapati daripada STMB, mereka cuma menyatakan bahawa perkara itu masih dalam kajian dan sebelum keputusan dibuat pengguna-pengguna telefon terpaksa menjelaskan bil-bil telefon yang beribu-ribu ringgit itu.

Ada satu kes yang mana seorang pengguna kuncikan telefon di dalam rumah dan serahkan kuncinya kepada STMB untuk sebulan tetapi apabila sampai akhir bulan itu beliau masih menerima bil telefon dengan begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian jangan kita mengwastakan perkhidmatan telefon ini dengan mengakibatkan kesusahan kepada rakyat kita.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan sikap "Operator 103". Tadi seorang Ahli Yang Berhormat sebut bahawa "Operator 103" apabila kita dial dia memberikan masa satu hingga dua jam suruh kita tunggu. Tetapi pada pengalaman saya yang ada ini apabila kita dial "103" sekarang apa kita akan dengar ialah suara telefonis lelaki, dengan sikap yang kasar serta memberi jawapan "Takkan you tak ada buku panduan telefon!" Saya rasa ini satu sikap yang kurang wajar dan sikap yang tidak bersopan dan juga saya berharap STMB ini mengambil perhatian serius dan sekiranya ada kakitangan STMB yang tidak suka berkhidmat di bawah STMB sepatutnya diambil tindakan ataupun sepatutnya telefonis ini ditukar semula kepada telefonis perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya pun mendapat pandangan dan komen daripada pengguna-pengguna telefon bahawa STMB yang disebutkan sebagai Syarikat Telekom Malaysia Berhad cuma 6 bulan sahaja setelah kita dapat pengalaman menyusahkan rakyat jelata. Jadi, kami rasa STMB ini tidak sesuai dipanggil sebagai Syarikat Telekom Malaysia Berhad. STMB lebih sesuai dipanggil sebagai "Syarikat Telekom Menyusahkan Bangsa". Jadi kalau sekiranya Kementerian hendak menjaga imej serta maruah yang baik, sepatutnya membuat kajian semula tentang penswastaan syarikat ini dan meningkatkan lagi perkhidmatan yang lebih cekap kepada pengguna-pengguna.

Sekian, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang

Perbekalan Tambahan yang dicadangkan.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Yang Berhormat Datuk Nasir bin Haji Manap dipersilakan.

3.37 ptg.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini sama-sama menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu suatu Akta bernama Akta Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987).

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini iaitu berhubung dengan Jadual Pertama, Seksyen 2, Maksud B.27 berkehendakkan tambahan peruntukan sebanyak \$2 juta dan Jadual Kedua, Seksyen 3, Maksud B.7 dan B.51 berjumlah \$53,940,100.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.7 berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri tertakluk juga berhubung dengan Jabatan Perpaduan Negara. Dalam Jabatan Perpaduan Negara ini satu lagi di antaranya saya suka menarik perhatian berhubung dengan pada masa-masa yang lalu telah diwujudkan Rukun Tetangga. Saya merasakan Rukun Tetangga ini diwujudkan satu di antaranya untuk menjaga keselamatan di dalam kawasan-kawasan yang tertentu dan satu lagi untuk mengeratkan tali persahabatan di antara penduduk-penduduk di dalam kawasan-kawasan yang tertentu juga.

Apa yang saya perhatikan, Rukun Tetangga yang ada diwujudkan pada masa-masa yang lalu agak tidak begitu mempunyai fungsi yang begitu baik dari semasa ke semasa. Ini kita tidak dapat pastikan apakah sebenarnya yang boleh menjadikan Rukun Tetangga ini fungsinya telah menurun dari semasa ke semasa. Dalam masalah ini saya yakin dari segi

pandangan untuk mengeratkan tali perpaduan di antara penduduk-penduduk di dalam sesebuah kampung, kerana saya merasai apabila kita membuat beberapa kumpulan dan rondaan yang terdiri daripada kaum-kaum yang berbilang bangsa dan meronda dari satu tempat ke satu tempat, jadi ini boleh mengekalkan atau menguatkan perpaduan di antara kaum-kaum di dalam sesuatu kawasan. Oleh sebab apa yang saya jelaskan tadi, Rukun Tetangga yang telah wujud beberapa lama yang lalu agak tidak begitu berfungsi sekarang, saya mengharapkan kepada Jabatan yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang sungguh-sungguh supaya Rukun Tetangga ini dapat diwujudkan semula ataupun dapat diperkuatkan semula yang bermatlamat untuk menguatkan perpaduan di antara bangsa-bangsa di dalam sesuatu kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu untuk menyentuh juga berhubung dengan Jabatan Perpaduan Negara, saya merasai sekarang perlu dapat kita memperkuatkan perpaduan negara, saya memikirkan perlu pihak Jabatan Perpaduan Negara mesti ada menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Perpaduan yang menitikberatkan di dalam sesuatu kawasan, selepas itu di dalam sesuatu daerah dan peringkat negeri. Sekiranya benda ini dapat kita laksanakan dengan begitu baik, Jawatankuasa Perpaduan di dalam sesuatu kawasan dan daripada wakil-wakil kawasan kita membentuk pula Jawatankuasa Perpaduan peringkat daerah dan daripada wakil-wakil peringkat daerah kepada Jawatankuasa Perpaduan peringkat negeri. Maka dengan ini saya merasakan perpaduan bangsa-bangsa di dalam negara kita ini dapat diperkuatkan dari masa ke semasa. Apabila kita telah mengadakan satu jawatankuasa peringkat kawasan, peringkat daerah ataupun peringkat

negeri, maka bolehlah jawatankuasa-jawatankuasa itu memikirkan apakah perancangan-perancangan perpaduan yang perlu dilaksanakan dari masa ke semasa, sama ada di peringkat kawasan, daerah, negeri dan sebagainya.

Saya merasakan untuk matlamat kita dalam masalah aktiviti perpaduan, barangkali jawatankuasa-jawatankuasa ini boleh mengusahakan satu di antaranya mengadakan sukan tahunan di antara kawasan-kawasan, mungkin di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Di dalam hal ini, untuk menekankan Jabatan Perpaduan Negara yang matlamatnya untuk menguatkan perpaduan, maka saya menekankan supaya perkara-perkara yang telah terbengkalai seperti Rukun Tetangga dan lain-lain aktiviti patut dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dalam masalah peruntukan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang berjumlah \$3,940,100 ini, apabila diperhatikan kertas yang dibentangkan memang wajar ianya boleh diluluskan. Dalam masalah ini saya masih lagi teringat beberapa masa yang lalu, ada jawapan yang menjelaskan—di dalam perhatian, di dalam tindakan, di dalam kajian dan sebagainya dan benda ini sangat penting dan perlu diambil tindakan oleh pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berhubung dengan perkara yang telah begitu lama iaitu ada di antara bil-bil telefon yang sampai \$1,000 sebulan. Tetapi apabila dikaji oleh pengguna telefon itu mengatakan mereka tidak pernah menelefon ke luar negeri, kalau adapun, kalau mereka di Melaka telefon saudara-mara mereka di Melaka sahaja. Tetapi apabila disiasat bil-bil telefon itu telah digunakan hingga ke luar negeri. Jadi ini perlu diambil tindakan segera supaya pengguna-pengguna telefon tidak menanggung beban yang begitu berat.

Pada hal beban itu tidak sepatutnya mereka terima dan oleh sebab beban yang diterima oleh mereka itu sehingga mereka tidak mahu lagi menggunakan telefon di rumah mereka. Di dalam hal ini sebagaimana yang dijelaskan juga tadi, ada di antara pengguna-pengguna yang menggunakan telefon melalui telefon orang lain iaitu menggunakan nombor telefon orang lain. Jadi, benda ini perlu ditekankan dengan bersungguh-sungguh supaya perkara ini tidak berlaku berlarutan dan jawapannya tidaklah di dalam bentuk akan dikaji dan sebagainya. Walau macam manapun saya sedar untuk menghasilkan kajian yang dimaklumkan ini agak sukar juga untuk mendapatkan sesuatu yang muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menarik perhatian berhubung dengan Maksud B.27—Kementerian Luar Negeri. Kita sedar negara Malaysia ini adalah negara yang terkenal juga di seluruh dunia, tetapi apabila kita berjumpa dengan kawan-kawan atau mendapat maklumat secara lisan, ada di antara negara-negara yang tidak begitu kenal negara Malaysia ini. Dalam hal ini barangkali Kementerian Luar Negeri agak dapat mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh supaya negara Malaysia ini dapat dikenali oleh seluruh negara di dunia ini—apabila disebut negara Malaysia maka mereka tahu sama juga apabila disebut negara Jepun, negara Indonesia dan sebagainya. Jadi, dalam hal ini untuk mengenalkan negara kita di luar negeri agar Kementerian Luar Negeri cuba memikirkan apakah cara yang sesuai untuk menyebarkan maklumat-maklumat yang sesungguhnya kepada negara-negara lain supaya apabila disebut negara Malaysia ini, maka mereka tahu di manakah letaknya, berapa ramai penduduknya, agak lebih kurang terdiri daripada beberapa bangsa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah dapat saya sampaikan di dalam Dewan ini. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan bernama Akta Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987). Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Sila Yang Berhormat Dato Tan Peng Khoon.

4.50 ptg.

Dato Tan Peng Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahas Rang Undang-undang untuk memberikan perbelanjaan tambahan bagi maksud-maksud yang tertentu bagi perbelanjaan sama ada sudah dibuat dalam tahun 1986 mahupun dalam tahun ini.

Terlebih dahulu saya ingin menyokong atas Rang Undang-undang ini tetapi izinkan saya menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan atau pihak-pihak yang berkuasa di dalam tambahan-tambahan yang dikehendaki itu. Yang saya maksudkan ialah perbelanjaan tambahan bagi Maksud B.7 dan Maksud B.51.

Maksud B. 7 bagi Jabatan Perdana Menteri berkehendakkan tambahan sebanyak \$50 juta. Mengikut nota penjelasan dalam Lampiran A, tambahan sebanyak \$50 juta itu dikehendaki untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan. Perbelanjaan bagi projek-projek yang disebutkan itu memanglah amat perlu bagi kawasan-kawasan luar bandar. Dan infrastruktur-infrastruktur bagi kemudahan-kemudahan awam ini memang diperlukan bagi penduduk-penduduk di luar kawasan bandar.

Negara kita telah merdeka selama 30 tahun. Masih ada lagi kekurangan

daripada segi kemudahan-kemudahan awam dan infrastruktur-infrastruktur yang perlu itu. Maka saya fikir mengikut anggaran perbelanjaan yang disediakan tiap-tiap tahun kita telah lebih awal faham iaitu perbelanjaan daripada segi ini patut diberi lebih banyak, tidak payah tiap-tiap kali kita minta tambahan demi tambahan kerana sepanjang yang saya tahu Wakil-wakil Rakyat, sama ada di peringkat Parlimen maupun di peringkat Negeri, sentiasa menjerit dalam bidang ini, mereka melawat kawasan ke mana-mana mereka sampai, tuntutan-tuntutan, desakan-desakan daripada penduduk-penduduk luar kawasan memanglah terhadap projek-projek kecil, lebih-lebih lagi infrastruktur-infrastruktur yang memang mereka tunggu-tunggu selama 30 tahun ini.

Selain daripada ini saya nampak \$50 juta ini sebahagiannya ialah untuk keagamaan. Dalam negara kita memanglah Malaysia ini satu negara yang terdiri daripada berbilang kaum, berbilang keturunan, berbilang agama dan sebagainya. Agama Islam adalah telah termaktub dalam Perlembagaan kita sebagai agama rasmi bagi negara kita. Tetapi di samping itu, Perlembagaan kita juga memberi jaminan supaya agama-agama yang lain dapat dijalankan dengan bebas dan sentiasa kita telah membuktikan apa yang termaktub dalam Perlembagaan itu dengan cara kita memberi bantuan juga terhadap kuil-kuil dan rumah-rumah berhala bagi agama-agama yang lain.

Oleh yang demikian, saya berharap oleh kerana ini \$50 juta yang diminta ialah bagi tahun ini—tambahan yang pertama, kalau tidak silap saya—and saya percaya \$50 juta ini harus belum habis dibelanjakan. Dari itu saya harap supaya dapatlah sedikit sebanyak diuntukkan bagi rumah-rumah berhala dan kuil-kuil India kerana setahu saya rumah-rumah

berhala dan kuil-kuil ini semua sentiasa minta bantuan daripada pihak Kerajaan dan jarang dapat peruntukan bagi melayan permintaan mereka. Dari itu saya ingin menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan supaya menitikberatkan terhadap perkara yang saya kemukakan.

Bagi maksud B.51 iaitu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sebanyak \$3,940,100 dikehendaki untuk membiayai bayaran gaji, bayaran balik Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, perbelanjaan-perbelanjaan dan pengangkutan, sewaan, pengubahsuaian ruang pejabat dan belian alat-alat perabot dan bayaran pindaan bagi program baru Kawalselia Telekom berikut dengan penswastaan Jabatan Telekom mulai 1hb Januari, 1987. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, rancangan menswastakan Jabatan Telekom ini telah dirancang dengan lebih awal dan rang Belanjawan bagi tahun 1987 ini dibuat atau disediakan memang dalam tahun 1986. Oleh yang demikian, Kerajaan sudah mempunyai rancangan untuk menswastakan Jabatan Telekom ini. Maka saya percaya dan patut sudah disediakan peruntukan-peruntukan yang dikehendaki itu untuk mencukupi peruntukan bagi menswastakan atau rancangan untuk menswastakan Jabatan Telekom ini. Program baru yang dikatakan Kawalselia Telekom berikut dengan penswastaan Jabatan Telekom ini.

Banyak sungutan telah disuarakan dan juga dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini sebentar tadi mengenai penswastaan Jabatan Telekom yang telah diserahkan kepada syarikat yang dinamakan Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Kebanyakan pelanggan-pelanggan atau pengguna-pengguna telefon berasa tidak puas hati terhadap penswastaan ini kerana harapan mereka amat tinggi apabila Jabatan

Telekom ini diswastakan. Memang kita difahamkan iaitu Kerajaan kita menswastakan tiap-tiap satu jabatan itu dengan tujuan dan harapan supaya apabila diswastakan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh pihak swasta itu adalah lebih licin dan mutunya lebih tinggi dan lebih memuaskan hati kepada pelanggan-pelanggan, tetapi nampaknya apa yang dibuat oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad ini apabila mereka terima penswastaan daripada pihak Kerajaan hanya tahu menuntut wang cagaran tambahan daripada pelanggan-pelanggan sehingga tambahan itu adalah 100% tambahannya.

Kalau pada masa dahulu kita beri cagaran sebanyak \$200 tetapi apabila dipindahkan kepada tangan Syarikat Telekom Malaysia Berhad tuntutan terhadap wang cagaran itu meningkat hingga \$400—bermakna tambah lagi \$200. Ini nampaknya saya satu cara yang amat senang sekali bagi Syarikat Telekom Malaysia Berhad mencari modal, tak payah dengan modal sendiri tetapi disyaratkan supaya pelanggan itu terpaksa bayar tambahan wang cagaran. Ini dengan mudahnya beri modal kepada mereka. Tetapi bagi pihak Kerajaan pula ia kena menyediakan berbagai-bagai kemudahan, pengubahsuaian ruang pejabat, pembelian alat-alat perabut dan bayaran pindah bagi program baru Kawalselia Telekom berikutnya dengan penswastaan Jabatan Telekom. Sepatutnya ini semua dipikul dan ditanggungjawabkan oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad sendiri. Kalau kita menswastakan, kita menswastakan dengan apa yang sedia ada tetapi di sini kita terpaksa memberi peruntukan tambahan sebanyak \$3 juta lebih untuk menyediakan segala kemudahan bagi diserahkan kepada Syarikat ini untuk mencapai maksud penswastaan ini.

Oleh kerana perkara ini telah pun berlaku, sekurang-kurangnya kita

harap supaya Syarikat Telekom Malaysia Berhad dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan dan tidak menyusahkan pelanggan-pelanggan ataupun pengguna-pengguna telefon ini kerana pengguna-pengguna telefon memang berharapkan supaya apabila diswastakan mutunya lebih tinggi dan perkhidmatan yang lebih licin dan cekap dapat diberi kepada pengguna-pengguna telefon. Inilah perkara-perkara yang saya ingin menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan.

Dengan kata-kata ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

5.05 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas suatu akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 7, tempoh Dasar ekonomi Baru akan tamat dalam tiga tahun lagi iaitu pada tahun 1990. Walaupun Kerajaan sedang memikirkan cara dan bentuk dasar tersebut selepas tahun 1990, apa yang menjadi kemungkinan masyarakat India di negara ini ialah penglibatan masyarakat India dalam Dasar Ekonomi Baru mulai tahun 1970 hingga hari ini dalam beberapa aspek begitu lemah sekali.

Sebagai contoh, penglibatan masyarakat India dalam sektor koperat hanya 1% sahaja. Ini mencerminkan kelemahan dalam

aspek-aspek pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sehingga hari ini. Saya mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri memperuntukkan satu peruntukan wang tertentu demi untuk memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga India.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira bagi membantu pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga India satu Revolving Fund, dengan izin, akan membantu masyarakat India mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, polarisasi kaum juga makin bertambah rumit di negara ini. Jabatan Perdana Menteri harus memperuntukkan lagi banyak wang untuk Jabatan Perpaduan Negara demi untuk melaksanakan kelas-kelas perpaduan dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang merangkumi semua golongan kaum di Malaysia. Kelas-kelas yang memupuk toleransi dan kepersefahaman kaum harus diperluaskan. Jabatan Perdana Menteri apabila cuba memperkenalkan nilai-nilai Islam di negara ini harus mengambil berat sensitiviti agama-agama lain di negara ini supaya persefahaman yang sedia wujud di kalangan masyarakat majmuk Malaysia tidak disalah ertikan di antara golongan-golongan tertentu.

Maksud B.27, Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak berasa puas hati terhadap personnel yang ditugaskan di Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri. Bagi mencerminkan peribadi majmuk negara ini adalah penting bagi Kementerian Luar Negeri mengambil lebih banyak lagi pegawai-pegawai keturunan India untuk ditugaskan di Konsol-konsol dan Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri bagi mencerminkan satu negara yang berbilang kaum.

Maksud B.57, Tuan Yang di-Pertua, semenjak sistem Telekom

diswastakan pihak pengguna ataupun consumer di negara ini telah banyak bersungut terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Telekom. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos harus menitekberatkan soal-soal sungutan dari orang ramai terhadap perkhidmatan telefon di negara ini walaupun Syarikat Telekom sudahpun diswastakan demi menjaga kepentingan consumer atau pengguna di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menggulung perbahasan, saya menjemput Yang Berhormat Dr Fadzil untuk menjawab atas perkara yang disentuh dalam perbahasan ini. Dipersilakan.

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh beberapa perkara dengan Kementerian Luar Negeri.

Yang pertamanya, saya ingin menjawab komen yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin yang telah menyentuh beberapa perkara yang bersabit dengan Kementerian Luar Negeri. Pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri biasanya telah pun diberi berbagai latihan-latihan tertentu sebelum mereka dihantar untuk bertugas ke luar negeri bagi menentukan agar imej negara tidak terjejas.

Contohnya, pagi tadi pun pihak saya telah merasmikan suatu kursus selama 5 minggu untuk kita latih pakar-pakar diplomat yang muda kita supaya mereka diberi berbagai latihan, pendedahan dan pengajaran sebelum mereka ini dihantar ke luar negara dan Malaysia merupakan negara yang pertama di Tenggara Asia ini yang telah pun mengendalikan kursus berkenaan dengan kegiatan luar untuk pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri.

Selain daripada itu, tugas-tugas mereka juga adalah termasuk menjaga hal ehwal penuntut-penuntut kita serta rakyat Malaysia di luar negeri. Masalah diskriminasi tidak timbul kerana pegawai-pegawai di luar negeri adalah berjiwa Malaysia pada umumnya dan sentiasa menjaga kepentingan negara dan rakyat Malaysia di luar negeri.

Berhubung dengan pentadbiran di kedutaan-kedutaan yang masih pakai sistem penjajah, pihak Kementerian Luar Negeri berpendapat teguran tersebut adalah tidak benar. Sistem yang diamalkan adalah sistem kita sendiri. Oleh kerana kesemua pentadbir-pentadbir kita di kedutaan-kedutaan luar negeri mendapat latihan serta pendedahan berkenaan dengan pentadbiran di dalam negara kita sendiri dan membawa pengalaman ini pula ke negara-negara luar.

Selain daripada itu juga sering kali tokoh-tokoh politik kita, ketua-ketua pentadbir kita pergi melawat ke kedutaan-kedutaan kita dan memberi penerangan dan juga menanamkan semangat supaya cintakan negara dan bangsa agar dengan adanya semangat yang demikian imej negara dapat dipertingkatkan.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan G. Rajoo, saya bagi pihak Kementerian ingin merakamkan

settinggi-tinggi terima kasih di atas ucapan tahniah yang diberikan sempena kejayaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah pun dipilih sebulat suara sebagai Presiden di suatu Konferansi antarabangsa yang pertama berkaitan dengan pengedaran dadah dan penagihan dadah di Vienna baru-baru ini. Tentunya kita semua berasa bangga dengan perlantikan Perdana Menteri kita yang ulung-ulung kalinya dapat suatu jawatan yang paling tinggi di taraf antarabangsa.

Saya juga berterima kasih di atas syor yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat berhubung dengan keselamatan pegawai-pegawai kita di Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri. Segala usaha telah pun dijalankan bagi meningkatkan keselamatan pegawai-pegawai serta kedutaan-kedutaan kita diseluruh dunia. Malah di mana kita dapat ada kelonggaran, tetap kita akan memperbaikkannya.

Berhubung pula dengan keselamatan tokoh-tokoh politik serta pegawai-pegawai tinggi Kerajaan semasa berada di luar negeri, Kementerian Luar Negeri sentiasa berhubung rapat dengan pegawai-pegawai keselamatan di negeri-negeri di mana tokoh-tokoh politik serta pegawai-pegawai tinggi Kerajaan melawat untuk memberikan apa-apa kawalan yang perlu semasa mereka berada di negara-negara demikian.

Berkenaan dengan hujah dan komen yang dilafazkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Nasir bin Haji Manap, Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Kementerian Pelancongan telah mengaturkan beberapa projek-projek tertentu bagi memperkenalkan Malaysia ke negara-negara luar. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ialah menyebarkan risalah "Malaysia in Brief", dengan

izin, dalam bahasa-bahasa Inggeris, Perancis dan Arab. Tujuan risalah ini ialah untuk memperkenalkan Malaysia dengan cara dekat lagi kepada negara-negara asing.

Selain daripada itu, acara-acara seperti mengadakan Malam Malaysia, Pesta Makanan Malaysia di mana pertunjukan kebudayaan dan makanan Malaysia diperkenalkan kepada negara-negara luar. Pejabat Pelancongan juga mengambil bahagian di dalam berbagai pameran yang bersabit dengan pelancongan.

Pihak kedutaan juga telah menggunakan penuntut-penuntut kita bagi memperkenalkan negara Malaysia dan dalam hal ini kedutaan sentiasa memberi segala bantuan dari segi logistik dan moral kepada penuntut-penuntut kita yang ingin memperkenalkan Malaysia di luar negeri.

Bagi merespond ke atas hujah Yang Berhormat Senator C. Krishnan yang menyoalkan bilangan pegawai-pegawai India di Kementerian Luar Negeri, buat masa ini kita mempunyai beberapa pegawai-pegawai keturunan India yang berkhidmat di luar negeri. Beberapa orang dari mereka kini memegang jawatan di peringkat Duta Besar. Contohnya, seperti di Singapura, di USSR (Soviet Russia), di USA, Kanada, dan di Brazil.

Berhubung dengan penambahan pengambilan dari mereka yang berketurunan India, Kementerian Luar Negeri akan mengambil maklum akan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perkara-perkara yang dapat saya jawab dalam perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan kita pada petang ini, lain-lain perkara itu pihak Kementerian akan mengambil catatan dan akan mengikutinya dari semasa ke semasa. Sekian.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Othman untuk menjawab, kerana banyak perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Yang Berhormat yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

5.20 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara yang berkaitan dengan Kepala B.51 iaitu peruntukan tambahan untuk digunakan oleh Jabatan Kawalselia di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Sesungguhnya saya berpendapat bahawa apabila Ahli-ahli Yang Berhormat bangun dan menyentuh tentang perkara itu, maka kita yang bertanggungjawab sama ada sebagai Wakil Rakyat, wakil kepada masyarakat ataupun yang ada kaitan secara langsung kepada Kementerian berkaitan adalah amat peka dan sensitif kepada apa-apa yang berlaku di kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan terlebih dahulu oleh Senator Ng Peng Hay yang menyentuh tentang LLN oleh kerana B.51 adalah merujuk kepada masalah kawalselia di dalam bahagian Telekom, eloklah saya merujuk kepada perkara tersebut dalam kesempatan yang lain. Begitulah juga dalam perkara yang dibangkitkan berkenaan pos di bawah Kementerian saya.

Saya ingin merangkumi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Senator Ainon, Senator Rajoo,

Senator Ng Peng Hay, Senator Datuk Nasir, Senator Dato Tan Peng Khoon dan Senator C. Krishnan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Syarikat Telekom Malaysia (STM) wujud sejak lebih kurang 7 bulan yang lalu. Ianya diperbadankan berdasarkan kepada Akta (Pindaan) (Syarikat Pengganti) pada tahun 1985 dan mula bergerak sebagai satu badan di bawah naungan Akta Syarikat pada 1hb Januari, 1987.

Memang benar bahawa ia sekadar umur 7 bulan dan apabila diperbadankan di bawah Akta Syarikat, ia dimiliki secara seratus peratus oleh Kerajaan melalui saham yang dipegang oleh Kementerian Kewangan dan pada hari ini ia berbentuk sebagai sebuah monopoli yang diberi lesen untuk membuat operasi untuk selama 20 tahun yang akan datang dalam bentuk perkhidmatan telefon dan juga teleks.

Dan STM ini telah dikendalikan di bawah Akta Syarikat tetapi bertanggungjawab kepada Kementerian Kewangan oleh kerana Kementerian tersebut memegang saham bagi pihak Kerajaan. Dan yang keduanya kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berdasarkan kepada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian melalui Akta 1950 dan Akta yang dipinda pada 1985 dan juga lesen yang dikeluarkan kepada STM oleh pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengatakan bahawa STM sama ada dalam bentuk mengumpulkan modal melalui cagaran yang dinaikkan, tidak mengindahkan kepentingan pengguna dan apa juga yang boleh kita lemparkan kepada STM, maka sewajarnyalah Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa STM bertanggungjawab secara langsung

kepada Kementerian melalui lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian.

Ada banyak peruntukan yang diberikan di dalam lesen tersebut. Misalnya, ianya diberikan monopolii sekadar untuk 20 tahun akan datang dan selepas 20 tahun akan dinilai semula dan ada juga peruntukan di mana lesen tersebut boleh diubah berdasarkan kepada sama ada memenuhi syarat-syarat dalam lesen itu ataupun tidak.

Jadi, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos merasa bertanggungjawab penuh untuk memastikan bahawa perbadanan ini mengendalikan tanggungjawab yang sewajarnya kepada masyarakat pengguna-pengguna khususnya. Oleh yang demikian, saya ingin menyebutkan tentang beberapa perkara yang ada kaitannya dalam perbahasan kita.

Pertama ialah untuk memastikan bahawa STM, walaupun pada umur 7 bulan, mempastikan khidmatnya adalah khidmat seperti yang diharapkan oleh masyarakat pengguna dan masyarakat pengguna yang dimaksudkan oleh saya ialah pengguna yang sedia ada pada hari ini, sama ada dalam bentuk perkhidmatan yang lebih berbagai ataupun perkhidmatan yang lebih tinggi mutunya dan tidak sewajarnya menyusahkan masyarakat pengguna yang ada pada hari ini.

Kedua, STM sewajarnya meluaskan lagi perkhidmatannya sebegini rupa, ia menyampaikan perkhidmatan telefon dan teleks kepada mereka yang belum lagi menjadi pengguna pada hari ini. Ertinya, kita hendak memastikan bahawa liputan khidmat STM ini lebih meluas lagi untuk kepentingan masyarakat Malaysia.

Dan yang ketiga, untuk memastikan bahawa dapat diwujudkan lagi berbagai jenis khidmat yang berkaitan dengan

telekomunikasi yang amat berguna kepada sesebuah masyarakat yang hendak membangun dan hendak dimodenkan lagi dalam jangka masa yang panjang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyebutkan tiga perkara yang ada kaitannya dengan tanggungjawab STM, maka sewajarnyalah kita mewujudkan perubahan pada masa yang akan datang dalam bentuk teknologi yang lebih baik lagi dan sambil itu pula kita hendak mempastikan bahawa perhubungan dari segi kemanusiaan antara STM dengan masyarakat pengguna dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah rungutan yang dibuat oleh masyarakat sewajarnyalah dilihat secara konteks yang lebih menyeluruh lagi. Mungkin tak dapat dielakkan bahawa bil yang tinggi, cagaran yang dinaikkan, kita punya tanggapan yang pertama ialah berlakunya salahguna kedudukan ataupun kuasa di kalangan mereka yang berkenaan dalam STM.

Sambil itu pula, saya percaya kita sewajarnya melihat beberapa kecurangan dan tindak-tanduk yang tidak sihat dalam masyarakat Malaysia pada keseluruhannya yang ada kaitannya dengan kegunaan utiliti dan perkhidmatan umum. Misalnya, kalau kita lihat keadaan kebelakangan ini, kemudahan telefon awam disalahgunakan oleh golongan tertentu apabila mereka menerima panggilan jauh daripada luar negeri, ada orang yang agak lebih pandai daripada yang lain menunggu di telefon awam pada ketika tertentu untuk menyambut panggilan daripada luar negeri dan mengatakan bahawa ia sanggup membayar kos panggilan tersebut.

Secara kebetulan, Tuan Yang di-Pertua, operator daripada luar negeri tidak mempunyai kod untuk mengesan

sama ada telefon itu adalah telefon awam ataupun telefon persendirian. Jadi dengan adanya kelemahan tersebut, ada pihak tertentu, pihak individu yang mengambil kesempatan misalnya menggunakan telefon awam untuk menerima panggilan daripada kawan ataupun sanak saudara daripada luar negeri dan beban dan kos terpaksa ditanggung oleh pihak STM berdasarkan kepada tindak tanduk yang tidak sihat itu dan kebelakangan ini juga ada terdapat tindak-tanduk yang tidak sihat di mana kecurian berlaku di tempat-tempat tertentu di mana corong-corong yang melindungi, dengan izin, mechanism exchange ataupun switch yang dicuri dan akhirnya mendedahkan sistem exchange tersebut.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, biarlah rasa saya kita melihat masalah ini secara menyeluruh, ertiinya dan implikasinya ialah kita hendak pastikan bahawa masyarakat Malaysia pada keseluruhannya dapat meningkatkan budi pekerti mereka, keikhlasan mereka, tindak-tanduk mereka kepada tahap yang lebih tinggi lagi, tidak kira sama ada kita berada di STM ataupun kita sebagai seorang ahli masyarakat awam, kita mestilah mempunyai pekerti dan budi yang boleh dibanggakan oleh negara kita sebegini rupa supaya tidak ada amalan-amalan yang tidak sihat di mana juga kita berada.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya berada di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, saya ingin menekankan tentang perlunya proses pembelajaran dan untuk mendapatkan maklumat yang sepenuh-penuhnya tentang soal kewajaran yang sepatutnya wujud dalam bentuk perkhidmatan telefon melalui STM ini. Selepas menyebut tentang perkara-perkara yang menyeluruh, saya ingin merujuk kepada perkara-perkara yang khusus yang

dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, tentang bil yang jauh daripada apa yang disangka. Dalam perkara ini kita sewajarnya peka tentang sama ada kita benar-benar menggunakan telefon itu secara yang kita faham. Ada kalanya kita menggunakan telefon tersebut walaupun kita menelefon ke Kelang dan kita berada di Petaling Jaya atau Kuala Lumpur, tetapi panggilan ini adalah dianggap sebagai panggilan jauh. Kalau kita tidak sedar, maka bil kita akan lebih daripada jangkaan kita. Maklumat ini sepatutnya ada pada kita untuk mempastikan supaya kita tidak salah sangka nanti. Kita juga sewajarnya mempastikan tidak ada di antara keluarga kita yang menyalahgunakan telefon kita. Bagi pihak Kementerian pula, kita hendak pastikan wujudnya satu disiplin yang boleh dibanggakan di dalam kalangan kakitangan STM supaya tidak ada salahguna, ataupun apa juga penyelewengan atau kecurangan yang berlaku di kalangan kakitangan, khususnya berkaitan dengan bayaran yang dikenakan kepada pengguna-pengguna.

Saya ingin menekankan di sini bahawa usaha untuk meningkatkan disiplin ini dan untuk mempastikan bahawa tidak ada salahguna tentang kedudukan ataupun tempat mereka dapat dipertingkatkan di kalangan kakitangan STM pada masa-masa akan datang.

Berkaitan dengan bayaran yang tinggi ini, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa pada hari ini telah wujud satu teknologi yang dipasang ke semua switch atau exchange yang menggunakan komputer, satu teknologi yang dipanggil CAMA yang mengizinkan kita untuk membuat bil yang secara terperinci di mana kita membuat panggilan dan untuk selama mana kita bercakap. Kalau sekiranya

wujud masalah di mana bil itu agak terlalu mahal daripada sangkaan kita, kita boleh merujuk kepada tempat yang paling dekat untuk mendapatkan bil yang terperinci tersebut. Kita akan pastikan bahawa pihak pengguna dapat peluang untuk berbincang sama ada benar ataupun tidak panggilan-panggilan itu dibuat.

Saya ingin membuat pengakuan di sini, kalau sekiranya tidak dapat dibuktikan secara sahih bahawa panggilan itu tidak mungkin dibuat oleh pihak pengguna, maka sewajarnyalah pihak STM menimbang perkara tersebut dengan sebijak-bijaknya supaya pihak pengguna tidak akan terasa bahawa ianya disalahertikan dari segi penggunaan telefonnya sendiri. Ini adalah pengakuan yang sewajarnya dibuat oleh pihak STM supaya pihak pengguna rasa puashati bahawa panggilan itu sebenarnya datang daripada panggilan mereka.

Mengenai cagaran, saya ingin menyebut di sini, oleh kerana STM ini sebuah syarikat, maka ia sewajarnya membuat tindakan untuk memelihara kepentingan mereka. Ini kita tidak dapat menafikan. Apabila ianya memberi khidmat, ada kemungkinan khidmat tersebut tidak akan dibayar oleh pihak pengguna dan pada hari ini terkumpul beberapa juta ringgit yang masih tertangguh yang belum lagi dibayar oleh pihak pengguna. Untuk mempastikan bahawa ia menanggung risiko yang paling minima, boleh. Maka sewajarnya pihak STM menimbangkan antara nilai cagaran dengan kemungkinan bayaran yang tertangguh oleh pihak pengguna. Untuk mengimbangkan antara dua, maka STM membuat kira-kira bahawa apabila nilai bayaran untuk 6 bulan berikut dibahagi dengan 2 untuk mendapatkan puratanya. Selepas mendapat purata untuk selama 6 bulan, didarabkan pula dengan 2, maka itulah nilai cagaran yang

dikenakan oleh pihak STM kepada pengguna tersebut. Dengan andaian nilai cagaran yang dikira secara yang saya sebutkan tadi, akhirnya serba sedikit dapat menepati kemungkinan bayaran yang tertangguh, jadi untuk mengelakkan daripada menanggung bayaran yang tertangguh lebih banyak daripada cagaran yang dipungut.

Apabila Yang Berhormat Senator Dato Tan Peng Khoon menyatakan bahawa dipungut cagaran yang lebih tinggi untuk mengumpulkan modal, saya minta maaf di sini mengatakan, bahawa kalau sekiranya dalam masa 6 bulan yang akan datang, selepas dikira 4 bulan kemudian, kita boleh beralih, misalnya 4 bulan daripada hari ini, kita kira 6 bulan cari puratanya didarabkan dengan 2 pula, nilainya turun daripada 4 bulan lalu. Ingin saya sebutkan di sini bahawa STM membuat perakuan bahawa dia akan menurunkan cagarannya pula. Tidaklah benar untuk mengatakan bahawa STM meningkatkan cagaran untuk menambahkan modal bahkan sekiranya cagaran itu turun, maka pengguna berhak membayar cagaran yang lebih murah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sebahagian besar daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah dapat saya sentuh. Mengenai telefon pondok, ingin saya sebutkan di sini, dalam lesen yang dikeluarkan kepada STM, ada satu peruntukan khas yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk mempastikan bahawa STM di bawah obligasi untuk membekalkan telefon pondok khususnya di luar bandar. Kita hendak mempastikan bahawa kemudahan tersebut tidak tertinggal. Kita tahu bahawa kemudahan telefon pondok di luar bandar ini, kalau hendak dibekalkan secara commercial, tidak siapa akan membekalkan, ianya akan merugikan mereka yang membekalkan itu tetapi

kita pastikan ada dalam peruntukan di dalam lesen yang dikeluarkan, telefon pondok, khususnya di luar bandar masih lagi tanggungjawab yang dipikul STM.

Mengenai Operator, pihak STM sedang berusaha sedaya yang boleh untuk membekalkan satu bentuk teknologi yang baru dalam bentuk komputer yang terakhir. Jadi tidak timbul masalah dari segi kemudahan untuk mendapatkan kerjasama dari pihak Operator kerana pihak Operator dengan serta merta menggunakan komputer tadi, dapat menyambungkan keperluan kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada rumusannya, kita hendak memastikan dari teknologi, kita maju terus dari segi hubungan manusia dalam bentuk khidmat yang diberikan oleh STM dapat kita pertingkatkan. Ingin saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa dari segi taraf khidmat, sistem telekom di sini tidaklah seburuk seperti yang kita sangkakan. Kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran ini, kita boleh anggap bahawa ianya merupakan satu perkhidmatan yang agak baik, bahkan lebih baik daripada tempat-tempat lain. Kalau kita lihat dari segi suasana kualiti khidmat, rasa saya adalah tidak jauh tertinggal dibandingkan dengan negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya oleh kerana perkara ini banyak dibangkitkan di mana jua, rintihan pihak pengguna, sama ada disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun daripada sumber-sumber yang lain, saya dengan sukacitanya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat ke Syarikat Telekom Malaysia Berhad untuk mendengar tentang bagaimana syarikat tersebut cuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah-masalah yang disebutkan. Melalui proses ini mungkin mudah-mudahan kita dapat sambungkan penerangan ini kepada pihak

pengguna dan masyarakat Malaysia keseluruhannya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk mengulung perbahasan. Sila!

5.41 ptg.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Saya ingin menyatakan bahawa kebanyakannya teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun dijawab oleh Kementerian-kementerian masing-masing, malahan diberi perhatian oleh Kementerian-kementerian masing-masing. Cuma ada dua perkara yang saya hendak menyentuh yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Salah satunya daripada Yang Berhormat Tuan G. Rajoo berkenaan dengan kelas perpaduan rakyat. Inginlah saya di sini memberitahu Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa pada masa ini kelas perpaduan rakyat telah pun dibubarkan dan digantikan dengan kelas pendidikan tidak formal. Pada masa ini satu projek perintis kelas ini telah dimulakan di Wilayah Persekutuan baru-baru ini. Kelas-kelas perpaduan rakyat telah pun dibubarkan kerana kurang sambutan dan didapati bahawa tidak sesuai untuk keadaan pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal deposit tambahan yang diminta oleh STM itu tidak ingin menyentuh kerana kita ada satu soalan khusus berkenaan dengan perkara ini

dalam sesi Soal Jawab di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan risalah yang lewat diterima oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya yakin Tuan Yang di-Pertua, sendiri telah ambil perhatian berkenaan dengan perkara ini dan kelemahan ini juga akan diperbetulkan.

Itulah sahaja jawapan saya yang pendek. Inginlah saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan juga menyokong Rang Undang-undang ini.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53 (2), saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga sekarang.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1987 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Pada masa ini Lembaga Pelabuhan Bintulu adalah tertakluk kepada Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981, sementara Lembaga Pelabuhan-pelabuhan seperti Lembaga Pelabuhan Kelang, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan lain-lain pelabuhan adalah tertakluk kepada Akta Lembaga Pelabuhan yang lain.

Tujuan pindaan yang dibentangkan ini ialah untuk mengadakan beberapa peruntukan di dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 bagi membolehkan aktiviti-aktiviti di pelabuhan tersebut diswastakan. Pada masa ini Akta tersebut tidak mempunyai peruntukan bagi tujuan sedemikian. Pindaan ini akan menyediakan peruntukan undang-undang dalam Akta berkenaan supaya penswastaan boleh dijalankan dengan licin apabila Kerajaan membuat keputusan untuk menswastakan pelabuhan ini kelak. Dengan erti kata lain tindakan ini akan mempastikan bahawa pelaksanaan penswastaan di masa hadapan adalah berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan perundangan yang sah.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat melalui Rang Undang-undang ini adalah hampir serupa dengan pindaan-pindaan yang telah dibuat melalui Akta Lembaga Pelabuhan-pelabuhan (Pindaan) 1986 apabila Lembaga Pelabuhan Kelang diswastakan dahulu dan juga Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1987. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah dengan mengadakan beberapa seksyen baru dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

Seksyen baru 5 (2A) adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bagi melesenkan syarikat-syarikat atau mana-mana orang untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti di pelabuhan.

Seksyen baru 5A bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Lembaga mencebur dalam apa-apa perkiraan bagi berkongsi keuntungan dan sebagainya dengan mana-mana orang atau untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan perkembangan mana-mana syarikat. Kuasa ini diberi dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan dengan mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Seksyen baru 9A bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk melupuskan apa-apa kepentingan mengenai tanah yang terletak hak padanya kepada mana-mana orang atau syarikat yang akan mengendalikan aktiviti pelabuhan. Peruntukan ini adalah selaras dengan Artikel 86 Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen baru 27A adalah bertujuan untuk membolehkan syarikat-syarikat atau mana-mana orang yang diberi lesen di bawah Akta ini untuk menjalankan aktiviti pelabuhan

mengemukakan memorandum kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu untuk mengubah segala bayaran yang sedia ada.

Seksyen baru 91A adalah bertujuan untuk memberi kuasa khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa khusus olehnya untuk mengambil alih aktiviti yang telah diswastakan itu apabila berlakunya darurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan orang awam. Untuk tujuan pengambilalihan tersebut pampasan yang munasabah akan dibayar. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penswastaan pelabuhan-pelabuhan telah bermula dengan penswastaan Terminal Kontena di Pelabuhan Kelang pada awal tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1987 tidak melibatkan perbelanjaan wang bagi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Yang Berhormat, dipersilakan Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

5.51 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi sedikit sebanyak pendapat terhadap Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu 1987.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah baik kerana dengan diluluskannya Undang-undang ini ia akan membolehkan Kerajaan menggalakkan dan merangsangkan aktiviti-aktiviti pelabuhan itu serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang lebih melalui langkah penswastaan rakyat Negeri Sarawak khususnya penduduk Bintulu sangat mengalu-alukan niat baik Kerajaan Barisan Nasional. Dalam membentangkan Undang-undang itu bagi pengesahan di mesyuarat Dewan Negara yang mulia ini.

Namun demikian rakyat Sarawak berharap Kerajaan kita akan mempastikan perkhidmatan Lembaga Pelabuhan Bintulu sebahagian atau keseluruhannya melalui penswastaan akan diambil atau diuruskan oleh syarikat atau orang tempatan iaitu dari Negeri Sarawak yang mampu mengurus dan memberi perkhidmatan itu, baik dari segi kewangan mahu pun dari aspek pentadbiran, tenaga manusia dan pengalamannya dan juga setelah diswastakan itu peluang-peluang pekerjaan yang wujud sentiasa diberi kepada rakyat Negeri Sarawak yang layak menjawatinya.

Maka itu kami berharap bahawa ketika menswastakan perkhidmatan pelabuhan itu kelak Kerajaan kita tidak terlupa akan hasrat dan inspirasi rakyat Sarawak yang disebutkan tadi. Berhubung dengan ini Kerajaan kita telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam menyediakan kemudahan-kemudahan pelaburan ini. Kami berharap kemudahan-kemudahan yang tersedia itu dapat dipergunakan sebaik-baiknya. Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu 1987. Terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said.

5.53 ptg.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun menyokong iaitu suatu Akta bernama Akta untuk meminda Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Tuan Yang di-Pertua Rang Undang-undang ini yang bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 adalah disokong kerana dengan pindaan-pindaan dalam Rang Undang-undang tersebut akan terlaksana niat hasrat Kerajaan memajukan aktiviti-aktiviti pelabuhan itu kelak.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa pembinaan Pelabuhan Bintulu telah menelan belanja yang begitu besar dan Kerajaan mestilah mengambil daya usaha dan pendekatan yang lebih berkesan dan berfaedah kepada rakyat khasnya dan kepada mereka yang menggunakan kemudahan pelabuhan tersebut. Pelabuhan Bintulu ini terletak di suatu kawasan yang strategik di negeri Sarawak dan adalah kena pada masanya Kerajaan mengambil tindakan positif untuk menghidupkan pelabuhan tersebut.

Ketiga, kita telah banyak bercakap mengenai penswastaan dan sehingga kini Syarikat Telekom Malaysia telah wujud dan kita yakin telah dapat memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang. Begitu juga pelabuhan tersebut, tidaklah boleh dibiarkan begitu sahaja setelah Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan yang besar itu. Dalam konteks menghidupkan kembali aktiviti-aktiviti pelabuhan tersebut, saya berharap Feri Malaysia akan jadikan Pelabuhan Bintulu tempat persinggahan di masa-masa akan datang supaya rakyat Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah akan dapat melancong ke Bintulu dan ke Sarawak juga. Dengan ini sukalah saya sekali

lagi menyokong Akta ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

5.55 ptg.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan suatu Akta (Pindaan) terhadap Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu tahun 1981 di mana mengikut Timbalan Menteri mengatakan bahwasanya tujuan sebenar meminda Akta ini ialah untuk bersedia untuk diswastakan Pelabuhan Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah ada pengalaman di mana satu agensi Kerajaan telah kita swastakan iaitu Telekom di mana sebentar tadi, rata-rata hampir semua Wakil yang ada di sini yang berucap menegaskan tidak puas hati berkenaan dengan perkhidmatan telekom yang telah diswastakan. Dari pengalaman ini, saya rasa biarlah Kerajaan mengambil satu pelajaran supaya kelemahan-kelemahan yang telah dialami oleh telekom itu tidak akan dialami oleh Bintulu. Untuk itu saya rasa sebelum diswastakan harus Kerajaan mengambilkira tawaran-tawaran daripada pihak-pihak yang ingin menawarkan khidmat mengendalikan Bintulu, ini kerana kalau dibuat secara monopoli satu sahaja syarikat mungkin keadaan monopoli ini akan menimbulkan beberapa kesulitan di masa akan datang. Oleh itu saya rasa, harus dibuat satu cara di mana kita akan memilih daripada senarai syarikat-syarikat yang telah memberikan cadangan mereka, satu daripadanya yang terbaik kita akan ambil.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok Kerajaan memikirkan sedalam-dalamnya

sebelum menswastakan Bintulu ini, termasuk dari segi implikasi politik kerana kalau disalah tafsirkan nanti seolah-olah rancangan untuk menswastakan Bintulu ini satu tindakan yang lepas tangan, kata orang. Tidak ingin melibatkan diri dalam satu agensi yang merugikan mungkin, kalau ini berlaku mungkin mengakibatkan satu lagi masalah kepada Kerajaan. Seperti soal Labuan yang ditimbulkan kira-kira beberapa bulan yang lalu di mana ada yang beranggapan selepas ianya diambil alih oleh Persekutuan dan sekarang ini sudah tidak diambil berat seperti yang termaktub dalam perjanjian dahulu. Maka dengan itu saya merayu sebelum diswastakan Bintulu ini terlebih dahulu Kerajaan mengkaji sedalam-dalamnya implikasi termasuk dari segi perpaduan negara.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Ada di antara Ahli Yang Berhormat lagi yang hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

5.59 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu tahun 1981 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan di Dewan yang mulia ini.

Tujuan atau matlamat pindaan ini dibuat telah diterangkan iaitu untuk membolehkan supaya Pelabuhan Bintulu diswastakan selaras dengan cita-cita Kerajaan di dalam azamnya untuk melahirkan seberapa banyak agensi-agensi Kerajaan diswastakan

untuk mengurangkan beban Kerajaan, untuk meringankan beban negara di dalam pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, memang sudah sampai masanya kalau Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang telah diswastakan, pengurusan dan perkembangannya, maka tidak ada salah, dan tidak menjadi masalah besar jikalau sekiranya Pelabuhan Bintulu juga turut diswastakan memandangkan kedudukan Bintulu di tengah-tengah bumi Sarawak dari hujung hingga ke pangkal sempadan dengan Brunei Darussalam.

Perkembangan Pelabuhan Bintulu sejak beberapa tahun yang kemudian ini menampakkan perkembangan yang begitu baik daripada hasilnya, punggahan kargo yang dijalankan di Pelabuhan Bintulu melihatkan pertambahan-pertambahan yang begitu besar dari setahun ke setahun sama ada mengangkut kargo am, pengeluaran pasir silika, pengangkutan gas asli cecair, pemunggahan kayu balak ataupun pengeluaran minyak mentah yang ada di Bintulu, ammonia dan baja urea yang ada di Bintulu dan lain-lain pengangkutan. Saya melihat di sini bahawa Pelabuhan Bintulu boleh tegak dan berdiri sebagai satu pelabuhan yang diusahakan tidak di bawah belanja Kerajaan lagi.

Saya percaya pihak Kerajaan tentulah telah menerima nasihat-nasihat dari berbagai bidang, terutamanya daripada mereka yang pakar mengenai dengan urusan eksport import dari segi untung ruginya Pelabuhan Bintulu ini.

Dewan Negara ini diminta memberikan nasihat untuk meluluskan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan). Tadi, di dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan 1987 banyak di antara Ahli-ahli Dewan Negara ini telah bercakap mengenai dengan penswastaan STMB dan telah pun

mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli di dalam Dewan ini setelah kita mendengar rungutan-rungutan daripada orang ramai yang menjadi pengguna-pengguna kepada STMB. Dan apabila Lembaga Pelabuhan Bintulu ini nanti kita akan mendengar pula rungutan-rungutan daripada pengguna-pengguna yang akan menggunakan perkhidmatan Pelabuhan Bintulu seperti kita mendengar rungutan pengguna-pengguna yang menggunakan Pelabuhan-pelabuhan Kelang, Pasir Gudang, Kuantan dan sebagainya.

Sebagai sebuah negara yang membangun, kita tidak boleh lari daripada teguran-teguran dan kritikan-kritikan masyarakat, kritikan-kritikan orang ramai, pengguna-pengguna untuk mencari jalan bagi kebaikan, membaguskan lagi perkhidmatan kita kepada rakyat yang bergantung harapan kepada Kerajaan. Dan Kerajaan tidak boleh melepaskan tangan kepada Lembaga-lembaga ataupun agensi-agensi yang diswastakan.

Misalnya, saya ulang balik kalau masalah Syarikat Telekom Malaysia ada orang yang kena tunggakan sampai \$4,000 bagaimana? Jadi kalau dia kena tunggakan \$4,000 dalam tempoh 6 bulan dia bercakap berapa ribu ringgit sebulan. Ke mana dia bercakap? Ke angkasa lepaskah? Jadi, itu satu contoh. Tetapi Kerajaan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi jawapan dalam Dewan ini berjanji akan menyelesaikan masalah itu.

Perkara-perkara leleh yang berlaku di dalam jentera Kerajaan inilah yang menjadi rungutan kepada orang ramai. Kalau jentera Kerajaan, tenaga pelaksana dapat menyelesaikan dengan teliti dengan menggunakan hikmah dan bijaksana tidak menekan.

Menekan ini ada banyak cara—menekan dengan surat ugutan, "Kalau tuan tidak bayar dalam sekian hari, potong. Kalau tuan tidak bayar sekian hari, akan dicabut". Itu pun tekanan. Tekanan-tekanan seperti ini kita tidak mahu dengar lagi. Sebab sekarang ada 35,000 anak-anak yang keluar universiti yang tidak ada kerja, yang mencari salah. 20 tahun dulu boleh kita gunakan tekanan-tekanan yang macam ini: "tidak bayar, potong; tidak bayar, potong!". Sekarang kalau tidak bayar, kita tengok siapa yang kena potong. Saya takut nanti kalau tayar kereta STM itu akan dipotong oleh budak-budak. Ini masalah STMlah, Tuan Yang di-Pertua, sebab tadi saya tidak mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, sengaja saya hendak dengar dulu setakat mana rungutan. Memang rungutan ini panas. Rungutan ini hebat, di mananya.

Jadi, kita tidak mahu apabila Bintulu ini nanti diswastakan dipegang oleh satu badan yang bermula, orang bermula hendak mencari untung. Yang saya tahu Bintulu ini, Tuan Yang di-Pertua, yang paling best di sana itu ialah belacan Bintulu—itu yang saya tahulah dan telur ikan terubuk dan udang—"siah", kata orang Sarawak. Tetapi apabila saya baca report mengenai Bintulu, saya tengok di sini ada kargo am, ada pasir silika, ada gas asli cecair, ada kayu balak, ada minyak mentah, ada ammonia, baja urea dan lain-lain.

Bintulu mempunyai satu harapan yang besar di suatu masa akan datang sebagai satu pelabuhan di antara Sabah, Brunei Darussalam dan Sarawak juga ada hubung kaitnya dengan negara-negara jiran seperti Hong Kong, Filipina dan Singapura.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan

Bintulu ini untuk diswastakan. Itu saya menyokong kerana memang kita nampak di hadapan kita perkembangan di masa yang akan datang dan Kerajaan tidak perlu keluar belanja, kerana syarikat itu nanti yang akan diberi kuasa oleh Menteri akan bayar cukai dan apabila syarikat itu bayar cukai kepada Kerajaan, masuk kepada cash negara, kawasan di sekitar Bintulu itu akan dapat jalan yang baik, bekalan api yang cukup dan pembinaan rumah murah yang cukup, pembukaan kawasan tanah yang luas.

Seperti saya tanyakan tadi di dalam soal jawab, berapa banyak skim FELDA yang akan dibuka di Sarawak kerana di sekitar kawasan Bintulu sampai ke Bahagian Keenam dan Ketujuh masih lagi hutan rimba yang perlu dibuka dan memerlukan belanja yang banyak. Jadi duit daripada ini akan dapat dipusingkan untuk pembangunan di sekitar Bintulu khususnya. Tetapi ingat, jangan sampai jadi macam rombongan 13 ketua suku kaum Penan dari Sarawak yang membuat benteng manusia.

Jadi kita tidak mahu nanti apabila Bintulu sudah jadi pelabuhan ada pula orang-orang Melanau, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Sungai dan orang-orang Kenyah yang ada duduk di sekitar keliling Bintulu—saya sudah sampai situ, Tuan Yang di-Pertua—nanti pula berbentengkan dengan dada, dengan paha masing-masing kerana marahkan Lembaga Pelabuhan Bintulu yang membuat sesuka hati dan sewenang-wenangnya untuk meluaskan kawasan dia; membuang kotoran dia, membuang minyak di perairan Bintulu sehingga udang mati, ikan terubuk mati, telur terubuk tidak ada, belacan Bintulu pun tidak ada. Jadi nasib nelayan kecil yang ada di sepanjang pantai Bintulu ini mesti dijaga.

Tetapi sekarang kita tengok, kalau dulu di sekitar Kampung Perpat—banyak orang yang tidak tahu

Kampung Perpat—Kampung Perpat ini 12 batu jauhnya dari Pelabuhan Kelang tetapi apabila Selat Kelang Utara telah dibuka sampai ke kampung itu, ketam-ketam habis mati, udang galah habis mati dan ikan yang murah seperti ikan sembilang pun tidak ada lagi kerana pencemaran alam.

Minyak yang dibuang, lebihan kapal yang dibuang—pergi ke sungai yang kecil dibawa oleh air pasang. Hasil yang patutnya dapat kepada orang kampung di Sungai Serdang, di Kampung Tok Muda, di Perepat, di Rantau Panjang—habis. Nelayan kecil yang menggunakan satu alat namanya Bento yang sepatutnya boleh dapat anak ketam, tidak dapat lagi. Apabila adanya pembangunan, ada yang menderita, apabila ada yang menderita, dia pun marah, dia marah, dia tidak sokong Kerajaan—dia tubuhkan parti pembangkang—pilihanraya kita yang susah. Dia kata, tengok ada pembangunan Pelabuhan Selat Kelang Utara ketam kita mati, ikan sembilang kita mati, semua sekali mati. Hasil pun tidak ada. Siapa yang kaya? Syarikat yang dapat menjalankan usaha-usaha itu.

Pelabuhan Bintulu ini nanti kalau Kerajaan tidak betul-betul kawal, Lembaga yang akan diberi lesen menjalankan perusahaan ini nanti akan menimbulkan masalah yang seperti itu juga. Kalau sekarang rakyat boleh mengadu kepada Wakil Rakyat kawasan Bintulu, Ahli Parlimen kawasan Mukah misalannya, boleh tanya, boleh merayu, tetapi kalau sudah ada Lembaga, Wakil Rakyat kata ini urusan Lembaga, bukan urusan Wakil Rakyat Mukah lagi. Itu jam nanti rakyat akan berbentengkan peha.

Jadi satu kali pengajaran yang kita dapat, dua kali kita tahu kali yang ketiga, kita mesti betul-betul jalankan. Jangan sampai dalam Dewan ini nanti, tahun hadapan kita pertikaikan lagi

kenapa timbulnya soal-soal macam ini. Kalau tengok gambar Report Lembaga Pelabuhan Bintulu ini memang cantik. Pasal gambar warna-warni. Jadi bila gambar warna-warni cantik belakalah. Tetapi kalau kita pergi ke Pelabuhan Bintulu itu kotor. Saya biasa pergi ke situ—kotor. Insya Allah, apabila sudah diswastakan nanti Pelabuhan itu boleh cantik dan akan menguntungkan sebahagian daripada peranan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Pelancong akan naik di situ, sebagaimana kata seorang ahli tadi Feri Muhibbah Malaysia boleh singgah di Bintulu, terus sampai ke Kota Kinabalu, pergi ke Sandakan, sampai ke Tawau. Jangan berhenti di Tawau pergi sampai ke Nonokan, Kalabakan. Jangan berhenti di Menggatal sahaja, dekat sebelah Sibu teruskan sampai ke Nonokan, sebuah pulau tempat peranginan yang baik—kita kena tengok tanahair kita. Jangan kita duduk tempat yang bagus di Bukit Fraser dan Cameron Highlands sahaja.

Tengok di Menggatal itu apa yang ada. Namanya Menggatal, tetapi tempat itu sebuah kampung yang aman, tempat nelayan yang baik, pergi sampai ke Kalabakan, sampai Nonokan, tempat hutan asli. Jadi ini peranan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Kalau dia hendak majukan pelancongan mesti melalui pelabuhan. Ada juga tempat pelancongan yang tidak ada pelabuhan, tetapi ada motobot dalamnya—Tasek Chini—untuk pergi ke Tasek Chini—5 batu jalan bawah kelapa sawit, tanggal tayar sampai situ. Ini sepatutnya Menteri Pelancongan tahu, kawasan dia, pilihanraya kawasan Temerluh, jalan hendak pergi ke Tasek Chini dia kena baiki supaya orang boleh pergi ke Tasek Chini dengan selamat. Tayar tidak pancit, tidak ada apa-apa, 5 batu jalan bawah pokok kelapa. Sakit-sakit—gedegang-gedegung sampai sana tayar pancit. Jadi macam mana

pelancong hendak pergi ke Tasek Chini, hendak tengok naga yang ada 7 cula timbul. Sampai sana pokok teratai layu.

Tuan Yang di-Pertua, balik kita kepada masalah Lembaga Pelabuhan Bintulu tadi, apabila diswastakan penerangan daripada pihak Kerajaan, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak akan melibatkan wang Kerajaan, saya pun senang hati, tidak melibatkan wang. Tetapi apabila ada perbelanjaan tambahan, STM dulu pun kata tidak melibatkan wang juga. Sebab sudah jadi syarikat—tanggungan dia. Rupa-rupanya hari ini dia minta sekian juta untuk belanja pindah, ubah bilik, angkat barang, angkat kabel telefon yang dahulu Kerajaan punya, sekarang tanah STM. Semua kita kena luluskan hari ini. Apa hendak buat anak minta, bapa kena kasi. Sudah lulus pun, sudah belanja pun. Saya percaya Pelabuhan Bintulu besok pun, tahun depan atau bulan 12 nanti adalah belanja tambahan Bintulu minta sekian juga kerana mengalihkan barang yang Kerajaan punya, ada syarikat punya.

Kalau tengok Lembaga Pengarahnya bukan kecil-kecil orang. Ini urusan hendak ganti orang, tukar-pindah, balik Kuala Lumpur semua dia punya T&T (Transport and Travelling), dengan izin, bukan sikit-sikit duit. Ini adalah belanja tambahan besok dan kita luluskan. Tetapi pandai-pandailah bermiaga supaya jangan rugi. Kalau rugi besok kita sebat. Saya sebat kalau ada rekodnya rugi besok. Jadi begitulah apa yang dia minta tadi ialah supaya Bintulu ini boleh diswastakan. Kemudian dengan kuasa Menteri memberi kepada orang atau orang-orang lesen kuasa membenarkan. Ini pun hendak hati-hati memberikan kuasa lesen kepada orang atau orang perseorangan, maknanya syarikat yang akan menjalankan Pelabuhan Bintulu ini sebagai Pelabuhan swasta. Ini kena fikir baik-baik.

Utamakanlah orang Sarawak. Orang Semenanjung ini tidak marah—bagilah orang Sarawak itu duit—kumpul—kalau perlu duit, tetapi jangan nanti timbul di dalam Dewan Rakyat, di dalam Dewan Negara ini tidak ada pembangkang. Kita tidak mahu nanti timbul dalam Dewan Rakyat kenapa orang Sarawak dianaktirikan, orang Sarawak tidak tahukah hendak menguruskan Pelabuhan Bintulu. Ini kita tidak mahu dengar. Timbul prejudice dan timbul nanti anak emas, anak perak, anak tiri, anak kandung. Sekarang kita sama-sama Malaysia. Orang Sarawak yang ada 13, 14 suku kaum orang Malaysia, orang Sabah yang ada 7, 8 suku kaum—orang Malaysia. Dewan ini kita mesti bercakap secara Malaysia, jangan cakap kaum-kaum, berapa kaum Jawa, kaum Banjar.

Dalam kaum Melayu ini ada 18 kaum. Kalau Timbalan Menteri Pelajaran kata Bahasa Suku Iban dibolehkan di sekolah-sekolah tahun depan, saya minta bahasa Suku Jawa dibolehkan di kawasan-kawasan yang ada banyak orang-orang Jawa di Batu Pahat, di Rengit, di Benut, di Muar dan bahasa Banjar dibolehkan di Sungai Manik, di Tanjung Karang di Sabak Bernam dan di Bagan Datok. Kalau hendak main macam itu. Kalau kita kata hendak integrasi nasional, hendak perpaduan, masih hendak main kaum-kaum saya berapa di Jabatan ini, kaum saya berapa di tempat ini, saya pun banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kita banyak masalah orang-orang Melayu yang belum selesai. Itu sebab orang Penan berbentengkan tubuh kerana masalah itu. Itu belum ada Wakil Rakyat Penan di dalam Dewan Rakyat. Kalau ada besok, dengan bulu burung, dengan parang ilangnya—orang Sarawak kata parang ilang itu putus kepala—jangan main-main. Dia tidak banyak cakap, dia main putus kepala

sahaja. Cukup pengajaran 13 Mei, jangan diulang-ulang lagi. Jangan dicabar—baik dalam convensyen, baik dalam mesyuarat, baik dalam perhimpunan agung, baik dalam suratkhabar, baik dalam Dewan ini, jangan dicabar-cabar. Jangan dimain-mainkan. Api dalam sekam jangan cuba ditiup. Orang dahulu jual sate pakai kipas, sekarang orang jual sate pakai kipas elektrik. Lagi cepat meletup. Sekarang ini kalau api perkauman itu dikipas-kipas, lagi cepat meletup, lagi cepat mara, lagi cepat marak, lagi cepat hancur.

Kita yang duduk dalam Dewan ini semua pemimpin yang fikirannya lapang, dadanya tasamuh, toleransi. Kita boleh terima, kita boleh tolak-ansur. Di sinilah tempat kita berbincang, tetapi kalau dalam Dewan ini kita masih katakan ini lampu merah saya punya, ini lampu kuning awak punya, lampu hijau mesti padam, tidak jadi.

Dasar Ekonomi Baru belum cukup 20 tahun. Orang Melayu bumiputra—bumiputra termasuk bumiputra yang di Sabah dan Sarawak yang berpuluhan kaum, belum sampai pun berapa percent targetnya, kenapa ini sudah dipertikaikan sekarang? Jadi di mana tasamuh, di mana kelapangan dada, di mana tolerasi kita? Berpuluhan ribu anak-anak Melayu yang dikata suruh belajar, belajar, belajar, tidak cukup dalam negeri, luar negeri; tidak cukup tiga universiti—6, tidak cukup, tambah Universiti Islam Antarabangsa yang sepatutnya bukan di Malaysia tetapi bila keluar anak-anak ini, 35,000 sekarang, itu pun Menteri Pelajaran kena terang-teranglah berapa ribu yang sebenarnya ini—35,000 kah, 40,000 kah, 12,000 kah? Orang kampung sekarang hendak hantar anak ke sekolah, orang FELDA hendak hantar anak ke sekolah, kaum

nelayan hendak hantar anak ke sekolah, dia fikir 40 kali. Anak dia ada Bachelor of Science tidak boleh dapat kerja apa-apa.

Ada skim SKS (Skim Khas Siswazah), daripada \$600 sudah turun \$400, berapa orang yang dapat? Orang yang dapat dia senyum riang, yang tidak dapat dia punya dendam—nauzubillah minzalik! Jadi kalau hendak tutup Skim itu—tutup. Skim Siswazah itu kalau hendak tutup—tutup, tidak usah beri itu dulu, jangan ada yang diberi sebab saya dapat tahu ada yang diberi itu pun duduk di pejabat itu main telefon sahaja, itu fasal yang telefon itu kena bayar banyak! (*Ketawa*), tidak ada kerja. Saya pergi, saya tengok mana budak Skim Khas yang diberi dahulu \$600 sekarang \$400. Tidak ada buat apa kerja pun, cuma tolong-tolong atur surat. Berapa puluh orang yang dapat macam ini sedangkan yang tidak dapat masih ada 34,000.

Jadi saya minta Kerajaan fikirlah kalau hendak beri pun setakat mana. Kalau setakat macam itu tambah memanaskan hati, sebab itu timbul 200 orang di Pasir Mas mahasiswa kita tunjuk perasaan. Itu baru tunjuk perasaan, belum menunjukkan perasaannya. Ini Bahasa Melayu, tengok. Itu baru main-main di hadapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan sebenarnya. Dia hendak mengadu kepada Yang Berhormat kerana selama ini Pasir Mas baru inilah dapat Timbalan Menteri, belum pernah dapat Menteri. Dia hendak tunjuk kepada Timbalan Menteri dari Pasir Mas itu, dia buat main-main tunjuk perasaan, belum menunjukkan perasaannya. Kalau sudah menunjukkan perasaannya, dia buat macam saya ini, dijel kita, jel-jel. Kalau 20,000 kumpul dekat Stadium Merdeka budak-budak yang ada B.A., jangan main-main, barangkali dalam Dewan kita ini pun ada 5-6 orang yang

ada anak yang sudah lulus tidak apa-apakan? Kata orang: berat mata memandang, lagi berat bahu yang memikul. Macam mana perasaan ibu bapa yang sudah mempunyai anak seorang, dua orang yang sudah lulus universiti balik kampung, balik ke rumah. Bukan dia tidak mahu kerja, fikirannya bercelaru. Jadi ini masalah yang kita mesti selesaikan.

Jadi kalau ada tadi peluang-peluang pekerjaan setelah Bintulu ini diswastakan, kena fikir supaya jangan anak yang di tepi-tepi bandar Bintulu itu tengok sahaja kapal keluar masuk, utamakan anak Bintulu. Yang kita di sini utamakan macam itu. Saya baca dalam satu rekod Dewan ini, baca dalam suratkhabar—\$500 juta setahun beli jagung. Saya pun pering, \$500 juta setahun beli jagung! Siapa yang makan jagung banyak macam itu di negeri kita ini?

Tuan Yang di-Pertua, kata jagung untuk ayam, tetapi taukeh ayam di Gelang Patah, Johor marah, dia bakar anak ayam berpuluhan ribu. Kenapa timbul yang sedemikian? Jadi cerita “Bangau Oh Bangau”, selalu saya hendak selingan lagu “Bangau Oh Bangau” dalam Dewan ini. \$500 juta untuk beli jagung. Kalau Kerajaan percaya sama saya, Tuan Yang di-Pertua, tubuhkan Lembaga Jagung Negara, saya jadi Pengurusnya (*Ketawa*), beri saya pinjam \$10 juta, beri kredit \$10 juta kepada Lembaga Jagung Negara yang Pengurusnya Haji Shahrom Maasom, saya akan kerah mahasiswa-mahasiswa yang menganggur dan saya minta tanah-tanah terbiar untuk menanam jagung menebus duit \$500 juta yang dibelikan jagung dari luar negeri. Ini cakap sahaja siswazah tani, siswazah tani, di mana tempatnya? Saya round sebulan dahulu, sebelum hendak masuk ke Dewan ini, saya keliling negara. Bila setiap kali apabila Dewan hendak bersidang, saya akan keliling, saya

akan tengok, saya pergi ke merata negeri, buang minyak beratus-ratus ringgit hendak tengok setakat mana. Sebab itu saya akan bercakap dalam Dewan ini setelah saya tengok, saya tidak cakap secara rambang, secara suka-suka. \$500 juta untuk beli jagung, beri saya \$10 juta, dalam tempoh 6 bulan tengok apa macam! Sekarang zaman sains dan teknologi, bukan lagi pakai cangkul, boleh dibuat.

Jadi kalau sudah jagung pun kita hendak beli sedangkan tanah terbiar, tadi dengar radio cakap setengah juta hektar tanah terbiar, masih cakap tanah terbiar, tanah terbiar, tanah terbiar tetapi tidak diusahakan bagaimana, cara macam mana hendak mengusahakan. Hendak suruh kita punya siswazah jadi nelayan—siswazah nelayan, hendak suruh dia tangkap udang dengan jala, macam mana boleh jadi sedangkan orang sudah pakai jaring Concord. Macam saya kata tadi jaring Concord ini dia kaut semua sekali, sampai perahu kecil pun masuk dalam jaringnya, bukan lagi anak ikan, cucu ikan; perahu nelayan kecil pun masuk dalam jaringnya. Ini yang berlaku pergaduhan di laut, berlaku pergaduhan di antara nelayan kecil dengan nelayan besar.

Jadi, mengenai dengan Lembaga Pelabuhan Bintulu ini semoga apabila telah diswastakan nanti, telah diwartakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, berjalan daripada satu bulan ke satu bulan dia akan menjadi satu sumber kepada negara kita. Kalau sekarang barangkali ada kompeni-kompeni luar negara yang tidak mahu masuk ke Bintulu kerana Bintulu ini dikuasai oleh Kerajaan, apabila sudah dijadikan syarikat, syarikat itu akan membuat perhubungan baik dengan kompeni-kompeni besar dari California, dari Madagascar, dari

Australia, semua kapal bertumpu ke Bintulu. Sesudah itu kapal tidak pergi ke Kuantan, sudah Kuantan lengang pula. Kita pindah pula akta macam mana hendak jadikan Kuantan pelabuhan yang sibuk. Apabila Bintulu sudah ramai, nanti Pasir Gudang lengang pula. Ini masalah yang akan kita hadapi sebab kapal apabila dia tengok ada satu pelabuhan baru yang baik, dia akan hantar barangnya ke situ, yang lama ini tinggal. Tinggallah tongkang-tongkang, kapal-kapal karat berlabuh di situ, jadi pencemaran alam kepada sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sepertimana saya katakan mula-mula tadi pihak Kerajaan telah mendengar nasihat, telah diberi nasihat dan telah menerima nasihat daripada pakar-pakar yang tertentu di dalam hendak menjadikan Bintulu ini satu pelabuhan yang diswastakan. Cuma apabila telah dilaksanakan penswastaan ini, kita mengharapkan kepentingan negara, kepentingan rakyat hendaklah sama dengan kepentingan dan keuntungan yang diterima oleh syarikat atau orang yang akan menjalankan perusahaan perkhidmatan di Pelabuhan Bintulu kepada orang ramai, kepada negara dan kepada keuntungan yang akan diterima olehnya. Kalau dikirakan tidak ada keuntungan tentu Kerajaan tidak merancang untuk diswastakan. Jadi apabila telah dilihat adanya keuntungan-keuntungan ini dan mungkin Kerajaan pun sudah menerima gambaran-gambaran, bayangan-bayangan orang-orang atau syarikat yang sedia menjalankan perusahaan Pelabuhan Bintulu ini kerana melihatkan kepada penyata-penyata keuntungan daripada tahun ke tahun yang berpuluhan-puluhan juta, beratus-ratus juta—ada dalam penyata ini—keuntungan-keuntungannya tiap-tiap tahun. Jadi orang tengok ini boleh untung besar, mereka akan sanggup melaksanakannya dengan baik.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf kerana masa kita sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung sedikit pada esok hari.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang esok, hari Selasa, 14hb Julai, 1987.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.